



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 33 BILANGAN 6

RABU 10 FEBRUARI, 1988.

رابع 22 جمادى الأخير 1408

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima surat lantikan Duta Besar Switzerland, Tuan Yang Terutama Tuan Kurt Wyss. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

DYMM berkenan menerima watakah perlantikan Duta Besar Switzerland

BANDAR SERI BEGAWAN 4 Feb. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima surat lantikan Duta Besar Switzerland yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Kurt Wyss di Istana Nurul Iman.

Sebelum menyerahkan surat perlantikan tersebut, Duta Besar Switzerland yang beribu pejabat di Singapura itu telah menerima tabik hormat oleh anggota Battalion Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di pekarangan istana.

Tuan Yang Terutama Tuan Kurt berusia 49 tahun, dilahirkan di Zurich dan dari Buchholterberg, Canton of Berne, Tuan Yang Terutama menuntut di Universiti Berne dan di London.

Tuan Yang Terutama adalah seorang doktor falsafah, mula berkhidmat di Jabatan Persekutuan Hal Ehwal Luar pada tahun 1972. Kemudian melanjutkan kursus lanjutan di Berne dan Warsaw.

Setelah itu Tuan Yang Terutama kembali berkhidmat di Jabatan Persekutuan Hal Ehwal Luar di Berne sebagai diplomat. Dalam tahun 1978, Tuan Yang Terutama ditukarkan ke Jakarta bagi menjawat selaku duta ke republik tersebut.

Lihat muka 20

DYMM utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sir Paul Alfred Reeves, Governor-General dan Yang Berhormat Tuan David Russell Lange, Perdana Menteri New Zealand bersempena dengan Hari Waitangi pada 6 Februari, 1988.

BERAKAS 6 Feb. — Jabatan-jabatan kerajaan yang diberi kuasa undang-undang adalah diingatkan supaya memastikan setiap undang-undang dikuatkuasakan dan diambil tindakan dari semasa ke semasa.

Demikian ingatan yang dilahirkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap

merasmikan Pelancaran Pesta Sukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Dewan Muhibbah di sini.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan sentiasa berusaha memastikan jabatan-jabatan yang berkenaan mengambil berat pelaksanaan undang-undang yang diberikan itu.

Ke arah itu, Yang Berhormat Pehin menyeru semua pegawai dan kakitangan khususnya di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa bersikap positif dan penuh disiplin di dalam menjalankan tugas-tugas harian.

Berhubung dengan pesta sukan itu, Yang Berhormat

Pastikan setiap undang-undang dikuatkuasakan

berharap kegiatan berkenaan akan dapat memupuk persefahaman, kerjasama dan setiakawan di antara pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

"Dengan wujudnya

persefahaman dan hubungan yang mesra itu nanti, saya percaya akan dapat mewujudkan satu suasana kerja yang sihat yang akan meningkatkan lagi prestasi kerja dan produktiviti di jabatan masing-masing dalam usaha

kita menuju pentadbiran yang efisien, berkesan yang bersih seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, insya-Allah," jelas Yang Berhormat.

Lihat muka 19

PETIKAN TITAH

“BETA ingin menasihatkan rakyat dan penduduk negara ini akan sentiasa memelihara perpaduan demi menjamin keamanan dan ketenteraman negara dan untuk membolehkan kerajaan beta meneruskan rancangan-rancangan kemajuan untuk faedah kita semua.”

“
Dititahkan semasa Majlis Mengadap di Dewan Kemasyarakatan, Tutong pada 17 Ogos 1982 sempena hari keputeraan baginda ke-36 tahun.

Penduduk negara berjumlah 226,300

BANDAR SERI BEGAWAN. — Unit Perancang Ekonomi melaporkan bahawa kadar penduduk Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1986 ialah sejumlah 226,300 orang.

Dari jumlah tersebut 116,800 orang lelaki dan 109,500 orang perempuan.

Menurut kenyataan dari unit tersebut, kadar penduduk bagi negara ini adalah

bertambah di mana pada tahun 1985 jumlah penduduk negara ialah 221,900 orang iaitu pertambahan sebanyak 4,400 orang.

Bagi kadar penduduk negara 1985 itu, sejumlah 118,580 lelaki dan 103,320 perempuan. Daerah Brunei dan Muara mencatatkan kadar penduduk yang tinggi dengan jumlah 133,630; Kuala Belait 58,370 orang; Tutong 22,490 orang dan Temburong 6,960 orang.

MANISNYA IMAN

“DEMI masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman, beramal saleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan sabar.” — Maksud Surah Al-Ansar ayat 1 — 3.



10 FEBRUARI, 1988

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

KETENTERAMAN SERANTAU PERLU UNTUK KEMANTAPAN KETENTERAMAN KITA

HALUAN perhubungan antarabangsa yang telah kita jalini dan lalui setelah merdeka adalah begitu ketara sekali. Kita secara aktif terlibat dalam ASEAN bagi sama-sama mengekalkan dan memelihara kemantapan sosio-ekonomi dan budaya rantau ini.

Kita juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti pertubuhan Komanwel. Manakala di Bangsa-Bangsa Bersatu kita menyuarakan pandangan-pandangan dengan tegas dan berani terhadap isu-isu antarabangsa terutama yang menjejaskan ketenteraman dan keselamatan sejagat.

Keanggotaan kita dalam ASEAN, misalnya, bukan sekadar pertalian ilmu alam atau geografi. Perhubungan sejarah dan persamaan-persamaan yang sedia ada dari segi budaya, sosial dan ekonomi tambah dipertingkatkan selepas merdeka.

Kedudukan negara kita begitu strategik. Kita tidak boleh mengasingkan diri dari perkembangan-perkembangan rantau ini. Bahkan kita menyedari pertalian kita dalam ASEAN dan lain-lain negara di Asia diasaskan kepada ketenteraman dan keselamatan bersama di samping lain-lain kemajuan fizikal.

Sebarang ancaman terhadap keselamatan dan ketenteraman rantau ini adalah juga mempengaruhi keadaan ketenteraman dan keselamatan kita. Tetapi yang sentiasa menjadi keyakinan kita ialah kemajuan yang kita capai dalam pelbagai bidang pasti mewujudkan kemantapan ketenteraman yang berterusan kerana tanpa keamanan, sukar untuk memajukan pembangunan.

Sesungguhnya kita sudah pun lama terikat dengan suasana serantau. Pendedahan kita kepada rantau Asia khususnya dan dunia amnya begitu meluas dengan adanya media seperti televisyen dan akhbar.

Kesan dan pengaruh dari perkembangan atau kejadian yang berlaku dari luar sebahagiannya tidak boleh kita abaikan begitu saja.

Ke arah itu, kita sesungguhnya menghargai usaha-usaha gigih ASEAN untuk mewujudkan penyelesaian secara damai di Kampuchea. Penglibatan ASEAN bukan hanya setakat kata-kata malah jurucakap ASEAN, Prof. Mochtar Kusumaatmadja yang juga Menteri Luar Republik Indonesia telah bekerja keras berkunjung ke negara-negara tertentu agar penyelesaian secara aman di Kampuchea membabitkan hasil yang baik demi kepentingan rakyat Kampuchea sendiri.

Di samping itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda baru-baru ini bahawa negara kita menyokong penuh usaha-usaha yang dijalankan oleh Presiden Kerajaan Campuran Kampuchea, Putera Norodom Sihanouk bagi mengatasi pergolakan Kampuchea yang belum selesai itu.

Harapan kita, yang juga menjadi harapan masyarakat ASEAN, ialah mahu melihat Kampuchea yang diperintah oleh rakyatnya sendiri, terlepas dari mana-mana pendudukan tentera asing kerana pergolakan yang berlaku di Kampuchea sekarang secara tidak langsung menjejaskan kemantapan ketenteraman beberapa buah negara ASEAN selain daripada menimbulkan beban pelarian.

Selama lebih satu dekad masalah Kampuchea ini telah menjadi duri dalam ketenteraman ASEAN. Penyelesaian isu Kampuchea itu akan membolehkan negara-negara ASEAN untuk menumpukan masa sepenuhnya bagi pertumbuhan dan perkembangan serantau di bidang-bidang lain.

Kita percaya persefahaman akan wujud di bumi Kampuchea, dan ini memberi ruang kepada kita untuk menikmati kemantapan ketenteraman serantau.

SAYA sukacita mengalu-alukan kedatangan tuan dan rombongan ke Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya.

Adalah menjadi kenangan manis kepada saya atas sambutan penuh mesra yang telah diberikan kepada saya dan rombongan sewaktu saya mengadakan lawatan ke negara tuan bersempena dengan ulangtahun Hari Kemerdekaan ke-20, Republik Gambia pada Februari 1985.

Saya sukacita merakamkan tentang hubungan erat antara kedua-dua buah negara kita dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa misalnya Komanwel, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Saya berkeyakinan bahawa kerjasama ini akan berlanjutan dalam pelbagai forum antarabangsa bagi menyemai keamanan antarabangsa. Kedatangan tuan juga tambah memperteguh hubungan mesra yang sedia terjalin antara dua buah negara sahabat. Ia telah memberikan kesempatan kepada kita untuk bertukar-tukar pendapat tentang sebahagian isu-isu yang mempengaruhi rantau kita.

Dalam lingkungan OIC, kedua-dua buah negara kita dengan eratnya telah bekerjasama meningkatkan perpaduan ummah. Kejadian-kejadian terbaru di wilayah-wilayah yang diduduki telah mengingatkan kita kepada rakyat Palestin yang masih lagi ditindas, dibunuh dan disiksa oleh Israel. Rakyat Palestin masih disangkal tentang hak mereka untuk menentukan nasib di tanahair mereka sendiri.

Negara Brunei Darussalam menyokong penuh ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengutuk tindakan ganas Israel dan dasar-dasarnya di wilayah-wilayah yang diduduki dan mengutuk Israel kerana


NEGARA MENYOKONG KETETAPAN MAJLIS KESELAMATAN PBB

Tindakan ganas Israel terhadap rakyat Palestin terus dikutuk

NEGARA Brunei Darussalam mengalu-alukan langkah-langkah terbaru yang telah diambil oleh Putera Norodom Sihanouk dalam mendekati beberapa kemungkinan-kemungkinan untuk memecahkan masalah Kampuchea.

menghalau empat orang rakyat Palestin. Pencabulan tentera Israel ke atas Masjidil Aqsa jelas menunjukkan sikap permusuhan Israel di samping tidak menghormati masjid ketiga yang paling suci.

Di Rantau Asia Tenggara pula, masalah Kampuchea masih belum selesai. Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan langkah-langkah terbaru yang telah diambil oleh Putera Norodom Sihanouk, dalam mendekati beberapa kemungkinan-kemungkinan untuk memecahkan



SABDA penuh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam di majlis makan malam bagi meraikan Menteri Hal Ehwal Luar, Republik Gambia, Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey pada 30 Januari, 1988 di Istana Tetamu.

masalah Kampuchea. Dalam kesempatan ini, saya menghulurkan rasa kesyukuran atas sokongan yang berterusan yang diberikan oleh Republik Gambia kepada resolusi ASEAN dalam persoalan

Kampuchea di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sekali lagi saya mengucapkan selamat datang kepada tuan dan rombongan ke Negara Brunei Darussalam dan berharap akan merasa selesa diam di negara kami.

NEGARA Brunei Darussalam menyokong penuh ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengutuk tindakan ganas Israel dan dasar-dasarnya di wilayah-wilayah yang diduduki dan mengutuk Israel kerana menghalau empat orang rakyat Palestin. Pencabulan tentera Israel ke atas Masjidil Aqsa jelas menunjukkan sikap permusuhan Israel di samping tidak menghormati masjid ketiga yang paling suci.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berbual mesra dengan Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia di majlis makan malam yang telah dilangsungkan di Istana Tetamu baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

SAMBUTAN HARI PUJA USIA

PENGKALAN MUARA — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat bercemar duli ke majlis meraikan hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia yang dianjurkan oleh Persatuan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) di Mess Pegawai Tentera Laut di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia, dijunjung oleh Yang Dipertua BAKTI, Datin Hajjah Saedah binti Haji Mohammad Said serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi persatuan itu.

Juga berangkat ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Mulia Dayang Mazuin binti Hamzah.

Di majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan memotong kek hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia di samping menyaksikan beberapa persembahan hiburan berbentuk nyanyian, fe-syen pakaian dan nyanyian serta peraduan berbalas pantun oleh ahli-ahli BAKTI.

Lawatan bot peronda Tentera Laut Britain

MUARA 1 Feb. — Dua buah bot peronda Tentera Laut Britain telah mengadakan lawatan operasi selama empat hari ke negara ini.

HMS Plover dan HMS Swallow membawa 70 orang anak buah membuat latihan bersama Tentera Laut Diraja Brunei di perairan Brunei.

Bot-bot peronda yang berpangkalan di Hong Kong itu adalah di bawah perintah Komander Whinney.

Pameran lukisan

JALAN MUARA 29 Jan. — Kedutaan Peranchis di sini telah mengadakan pameran lukisan selama sembilan hari yang dihasilkan oleh dua orang pelukis terkenal.

Pameran lukisan yang dihasilkan oleh Mary Harris dan Puan Lulu Wong Tylor itu telah berlangsung di Alliance Peranchis di sini dan dirasmikan previewnya oleh Presiden Alliance Peranchis, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani yang juga selaku Pengarah Penyiaran dan Penerangan.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan memotong kek sempena hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Mewujudkan keselamatan di stesen minyak

SHELL BRUNEI ADAKAN SEMINAR

BANDAR SERI BEGAWAN 28 Jan. — Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad telah dan akan mengadakan kursus dan seminar keselamatan bagi pegawai-pegawai dan kakitangannya.

Pengurus Am Syarikat itu, Awang Abdul Wahab bin Haji Jakiah berucap demikian di majlis latihan sambil belajar selama sehari bagi kerani stesen dan ketua pam atendan di Bangunan Syarikat Brunei Shell di sini.

Awang Abdul Wahab seterusnya berkata salah satu objektif syarikatnya mengadakan latihan serupa itu adalah bagi menjaga keselamatan dan menjalankan perkhidmatan yang lebih berkesan lagi terutama di stesen minyak di seluruh negara.

Beliau menyambung lagi, "Keselamatan adalah dititik-

beratkan atas peralatan-peralatan (machinery & equipment) dan juga cara-cara pengendalian yang tidak selamat."

Dengan adanya perkhidmatan-perkhidmatan yang cekap, keadaan sekeliling stesen yang teratur indah, bersih dan sempurna, tegas beliau lagi akan memberikan keselesaan kepada pengguna-penggunanya.

Beliau seterusnya menambah keindahan, kebersihan, keselesaan dan kenyamanan adalah sebahagian daripada khidmat yang dapat disumbangkan kepada pengguna-pengguna dan orang ramai.

Begitu juga dengan pengurusan yang cekap dari segi organisasi stesen dan pengendalian kewangan adalah khidmat-khidmat yang dapat disumbangkan oleh pihak syarikat beliau bagi stesen-stesen di negara ini, terang beliau lagi.

Secara tidak langsung tambah beliau dengan adanya usaha-usaha yang tidak mengenal penat itu ianya akan menyeimbangkan kepada keindahan alam sekitar dengan stesen-stesen minyak yang indah dan permai dan atendan-atendan dan kerani-kerani yang cekap lagi bertanggungjawab atas perkara keselamatan dan perkhidmatan.

Seramai 45 orang peserta menghadiri majlis tersebut. Di majlis itu juga mereka diberikan berbagai-bagai ceramah seperti ceramah mengenai kebersihan stesen

dan pengurusan, ceramah peraturan barang dan penarikan untuk orang ramai dan ceramah perkiraan untung rugi (belian, jualan dan stok). Ceramah-ceramah tersebut disampaikan oleh pegawai-pegawai kanan syarikat tersebut.

Di samping itu para peserta juga berkesempatan dibawa melawat ke stesen minyak dan juga diberikan penerangan mengenai cara-cara menggunakan "Water Finding Paste", "Dip Stick" dan lain-lain alat operasi termasuk cara menggunakan alat-alat keselamatan dan pemadam api.

PAPDA rancang berbagai aktiviti tahun 1988

JERUDONG 31 Jan. — Terdapat dua buah persatuan orang-orang cacat di negara kita dewasa ini. Salah satu dari persatuan tersebut ialah PAPDA atau Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota yang ditubuhkan pada tahun 1986.

PAPDA yang baru berusia dua tahun lebih itu sudah mempunyai keramaian ahli 139 orang yang mana 23 orang daripadanya terdiri dari pengidap-pengidap lumpuh dan yang cacat anggota mereka.

Sesuai dengan matlamat penubuhannya iaitu untuk meningkatkan kebajikan mereka yang kurang bernasib baik, memastikan keperluan mereka dari segi perubatan, sosial dan pelajaran di samping sebagai usaha membantu mereka agar mempunyai keyakinan dan berkepercayaan dalam masyarakat. Untuk itu berbagai rancangan telah dan sedang dirancang untuk dilaksanakan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kerja persatuan itu, Pengiran Datin Noraini, Jawatankuasa Tadbir PAPDA telah mengadakan beberapa mesyuarat untuk mentadbirkan dan menguruskan rancangan dan kegiatan PAPDA bagi tahun 1988.

Menurutnya sebanyak sembilan buah aktiviti yang telah dirancang dan akan dijalankan sepanjang tahun ini. Di antara aktiviti tersebut ialah akan mengadakan hari ahli-ahli bermesra, majlis bersungai bagi ahli biasa sepanjang bulan Ramadan, sambutan Hari Raya, gabungan malam amal dan konsert

Oleh Haniza Abdullah

mengutip derma, mengambil bahagian di sambutan perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, walkaton dan wheelaton, majlis ramah mesra serta mengadakan mesyuarat agung tahunan kali ketiga yang akan diadakan akhir tahun ini.

Selaras dengan perkembangan negara, PAPDA selain daripada mengadakan berbagai aktiviti, juga sedang bergiat berusaha meningkatkan mutu sukan di kalangan ahlinya, khususnya bagi mereka yang cacat berkerusi roda bagi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Kemampuan mereka menyaingi peserta-peserta lain di sukan orang-orang cacat yang berlangsung di Jepun baru-baru ini bukan sahaja telah mengharumkan persatuan ini bahkan kejayaan tersebut telah mengharumkan negara kita di mata dunia.

Menyadari hakikat ini adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai anggota masyarakat perlulah menyedari dan sama-sama memberikan bimbingan dan bantuan dalam apa juga bentuk agar mereka yang kurang bernasib baik ini tidak akan berperasaan tersingkir dari masyarakat, tetapi sebaliknya menaruh harapan akan menjadi ahli masyarakat yang berguna kepada negara.



KELIHATAN sebahagian daripada ahli-ahli PAPDA ketika mempersembahkan permainan angklung yang sungguh mempersonakan di majlis sambutan hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam anjuran PAPDA minggu lalu. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-419

IMAM MENJAGA WAKTU SEBELUM MENDIRIKAN SEMBAHYANG

PADA suatu kali di Madinah Rasulullah telah lewat dari bersembahyang Zuhur dan sahabat-sahabat Radhiallahu Anhum telah menghadapankah sahabat Abu Bakar As-Siddiq sehingga sampai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mereka dalam sembahyang dan Baginda berdiri di sebelah Abu Bakar. Tamat perkataan Al-Ihya dan dengan kata-kata Al-Ihya itu adalah memadailah bagi sesiapa jua orang Islam yang suka mengambil hidayat dan petunjuk.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah: Sunat bagi imam itu

berusaha bersembahyang di awal waktu tetapi lepas berlalu masa kadar orang berhimpun dan mereka mengerjakan perkara-perkara yang biasa dibuat kemudian imam sembahyang dengan jemaah yang hadir sekalipun sedikit kerana menurut qaul yang lebih asah bahawa jemaah yang sedikit pada awal waktu lebih utama dan lebih afdal dari jemaah yang banyak di akhir waktu dan jangan imam menunggu orang yang mulia dan berpangkat dan orang alim dan lain-lain yang seumpamanya maka jika ia menunggu juga nescaya imam itu telah membuat makruh. Erti makruh itu

ialah membuat perkara yang dibenci oleh Allah.

Dari sebab itu manakala Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sibuk dan Baginda lewat dari waktu biasa Sayidina Abu Bakar sekali menjadi imam dan sahabat Ibnu 'Auf sekali menjadi imam padahal tiadalah lama lewat Baginda itu bahkan Baginda dapat jemaah sembahyang keduanya itu dan dapat bermakmum dengan kedua-duanya itu dan Baginda mengaku benar perbuatan keduanya itu. Tamat perkataan At-Tuhfah, begitu juga tersebut dalam Al-Mughni Lil Khatib dan An-Nihayah

Lir Ramli dan lain-lain daripada keduanya.

Maka diketahui dari yang tersebut di atas ini bahawa yang sunat bagi imam itu hendaklah ia bersegera mendirikan sembahyang pada awal waktu dengan mereka yang hadir dan jangan ia menunggu lebih dari itu dan menunggu yang sunat ialah sekadar masa dari masuk waktu sekadar masa qadha hajat bagi orang yang biasa keadaannya dan bertaharah bersuci dan mengerjakan sembahyang sunat "Raatiyah Qabliyah" dengan sekadar sekurang-kurangnya sempurna dan kamal yang ditentukan pada syarak dan

Bahagian kedua

luasnya masa itu dan didekatkan pada faham orang iaitu sekadar masa yang mencukupi membaca Quran setengah juzuk iaitu sekadar suku jam, maka kadar itu adalah sunat bagi imam melewati sembahyang itu setelah masuk waktu, maka jika imam lewatkan lebih dari kadar itu maka imam itu telah menyalahi sunat dan jika ia kurangkan dari waktu itu pun maka imam itu telah menyalahi sunat juga dan jadilah imam itu dalam



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

golongan imam-imam yang telah disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan perkara mereka yang ertinya: "Akan datang pemerintah-pemerintah lepas saya mematikan sembahyang." (Diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim dengan berbagai-bagai lafaz yang serupa dan hampir).

Setengah riwayat itu ertinya: "Mereka melewati sembahyang."

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

Kecemerlangan bahasa Melayu perlu dinilai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad Kadi berharap peminat-peminat bahasa dan sastera lebih banyak menilai keadaan sekarang melalui kreativiti agar bahasa Melayu dapat dilihat kecemerlangannya di abad ke-21.

Katanya, walaupun terlalu sukar bagi kita menentukan dengan tepat akan kedudukan bahasa Melayu itu menjelang abad ke-21 nanti kerana bergantung kepada pengaruh atau situasi yang dihadapi dari masa ke semasa.

"Tetapi sebagai orang Melayu yang menyintai bahasa Melayu kita perlu berusaha dan memper-

Oleh Haniza Abdullah

tahankan hak milik kita hingga ke titisan darah terakhir," katanya berucap selaku salah seorang ahli panel forum di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini malam Sabtu lalu.

Menurutnya terdapat dua golongan masyarakat yang memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan bahasa Melayu itu, iaitu masyarakat umum meliputi pegawai-pegawai kerajaan dan kedua guru-guru, pensyarah-pensyarah serta sidang penyelenggara akhbar.

"Sasaran yang menjadi tumpuan kita dalam mengharap bahasa Melayu dapat dihayati, dihormati ada dua iaitu satu masyarakat umum meliputi pegawai-pegawai kerajaan kerana pegawai-pegawai kerajaan itu adalah sebagai contoh kepada rakyat jika sekiranya orang kerajaan sendiri yang terdiri daripada golongan peon ke atas memberikan perhatian kepada bahasa Melayu saya percaya penduduk Melayu akan memberikan perhatian kepada bahasa Melayu," ujarnya.

Selain itu pensyarah-pensyarah, guru-guru, sidang penyelenggara majalah dan akhbar adalah orang yang paling bertanggungjawab dalam menyebarkan bahasa Melayu itu jangan sampai nanti kaum guru juga terpengaruh akan kerendahan bahasa Melayu itu dan seterusnya menyanjung tinggi bahasa lain.

Forum yang bertajuk 'Sastera dan Bahasa Melayu di Brunei Abad ke-21' merupakan kegiatan pertama ASTERAWANI di tahun 1988, dengan tujuan untuk meninjau perkembangan dan kemajuan sastera dan bahasa Melayu di Brunei menjelang abad ke-21.

Sementara itu tiga lagi ahli panel yang terdiri daripada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah; Tengku Iskandar salah seorang pensyarah di Universiti Brunei Darussalam dan Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid, Ketua Satu ASTERAWANI.



SUASANA ini dirakamkan ketika diadakan Forum Sastera ASTERAWANI yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Ahli panel terdiri dari Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil, Pengetua Pusat Sejarah (dua dari kiri), Awang Haji Ahmad bin Kadi, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (dua dari kanan); Tengku Iskandar, Pensyarah di UBD (di kiri sekali) dan Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid, Ketua Satu ASTERAWANI (di kanan sekali). Sementara pengerusi forum ialah Awang Mahmud bin Haji Bakry (di tengah sekali). — Gambar oleh Harun Rashid.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 10 Februari hingga ke hari Selasa 16 Februari 1988 adalah seperti di bawah ini :-

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Februari												
10	12.37	3.55	3.56	6.32	6.33	7.43	7.44	5.25	5.12	5.26	6.36	6.37
11	12.37	3.55	3.56	6.32	6.33	7.43	7.44	5.25	5.12	5.26	6.35	6.36
12	12.37	3.55	3.56	6.32	6.33	7.43	7.44	5.24	5.11	5.25	6.35	6.36
13	12.37	3.55	3.56	6.33	6.34	7.43	7.44	5.24	5.11	5.25	6.35	6.36
14	12.37	3.55	3.56	6.33	6.34	7.43	7.44	5.24	5.11	5.25	6.35	6.36
15	12.37	3.54	3.55	6.33	6.34	7.43	7.44	5.24	5.11	5.25	6.35	6.36
16	12.37	3.54	3.55	6.33	6.34	7.43	7.44	5.24	5.10	5.25	6.35	6.36

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Peperiksaan kerani rendah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perjawatan memaklumkan bahawa Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah Kerajaan 1988 akan diadakan pada hari Ahad, 21 Ogos, 1988.

Tarikh tutup bagi menerima permohonan untuk menduduki peperiksaan tersebut ialah pada 27 Februari, 1988. Calon-calon yang ingin menduduki peperiksaan tersebut hendaklah mengisikan borang-borang yang telah ditetapkan dan menghadapkan melalui ketua pejabat masing-masing.

Permohonan yang lewat diterima dari tarikh tutup tidak akan dilayan.

Untuk menghadapi 'sakaratulmaut' PERSIAPKAN DIRI KITA DENGAN AMAL KEBAJIKAN

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Setiap manusia di dunia ini baik ianya orang Islam atau bukan orang Islam yang suka dan rajin beramal ibadat atau yang menjadi kaki maksiat, pasti mengakui bahawa masing-masing dirinya akan mengalami kematian dan roh yang ada di dalam dirinya tentu akan berpisah dari tubuhnya. Dan hakikat ini tidak siapa yang dapat menafikan wujudnya. Itulah yang ingin disentuh serba sedikit, semoga dengan adanya peringatan mengenai perihal maut atau mati ini, diri kita akan sentiasa berhati-hati di dalam menjalani kehidupan, mudah-mudahan kita akan tersentak dan terhenti serta-merta apabila cuba hendak melakukan maksiat dan menurut nafsu atau syaitan apabila sahaja kita terkenang-kenang akan maut, yang pasti akan mendatangi diri kita di mana-mana sahaja kita berada nanti.

Perihal yang hendak dikatakan di dalam khutbah ini mengenai maut ialah perihal atau keadaan sebelum atau waktu seseorang itu hampir maut, yang biasa disebut "sakaratulmaut". Barangkali ada di antara kita sudah pernah melihat sewaktu menunggu atau menyaksikan orang yang hendak mati, di mana ada yang keadaannya tenang dan ada yang tidak menentu rupanya dan tubuhnya. Ada yang matanya terbeliak, ada yang buka mata dan tutup mata, ada yang mengeluarkan suara yang menakutkan bunyinya, ada yang kumat-kamit mulutnya kerana berzikir kepada Allah. Ada yang terkapar-kapar seperti ayam kena sembelih. Ada yang seperti orang bersembayang lalu rohnya pun hilang. Ada bermacam-macam lagi keadaannya orang-orang yang sudah dekat didatangi oleh maut itu kerana sakaratulmaut itu adalah merupakan saat-saat yang terakhir sekali bagi kehidupan seseorang. Dan inilah sebagai jalan laluan antara alam dunia dan alam barzakh iaitu alam seseorang itu akan berada di dalam kuburnya sementara menunggu alam akhirat.

Sebenarnya sakaratulmaut itu adalah suatu yang amat sengsara dan menyakitkan sekali, kerana itu Rasulullah

SEBENARNYA sakaratulmaut itu adalah suatu yang amat sengsara dan menyakitkan sekali, kerana itu Rasulullah sendiri berdoa semoga diberi kemudahan ketika didatangi oleh malaikatulmaut iaitu di waktu Baginda akan mengalami sakaratulmaut.

sendiri berdoa semoga diberi kemudahan ketika didatangi oleh Malaikatulmaut iaitu di waktu Baginda akan mengalami sakaratulmaut.

Kalaulah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri sudah merasa begitu takut menghadapi maut dari segi kesengsaraan sakaratulmaut itu, maka bagaimanakah kita yang banyak dosa ini? Cuma yang perlu diketahui bahawa Malaikatulmaut atau Malaikat yang bertugas mencabut nyawa atau roh itu akan bertindak amat kasih sayang terhadap orang-orang mukmin. Akan tetapi ianya akan bertindak kasar sekali dan mencabut secara berulang-ulang kali ke atas orang kafir iaitu dengan mencabut secara kasar kemudian dikembalikan, kemudian dicabut lagi dengan kasar sehingga si kafir itu mati tidak bernyawa lagi. Ini jelas sepertimana firman Allah Taala dalam surah Annazi'at ayat 1 hingga 6, yang kira-kira tafsirannya: "Demi (makhluk) yang mencabut (apa yang ditugaskan mencabut) dengan secara yang sekasar-kasarnya. Dan yang menarik (apa yang ditugaskan menarik) dengan cara yang selembut-lembutnya."

Selain dari itu ada baiknya juga kita sampaikan bagaimana keadaan Malaikatulmaut ketika ianya hendak mencabut nyawa seseorang. Di dalam kitab Ihya Ulumuddin, karangan Imam Al-Ghazali ada menyebutkan: Pada suatu hari Nabi Ibrahim Alaihissalam berkata kepada Malaikatulmaut apakah ia suka melihatkan bentuk dan rupanya ketika mencabut nyawa orang kafir, orang derhaka dan yang serupa dengan mereka itu? Malaikat itu berkata, "Tuan tidak akan tahan melihat saya nanti." Nabi Ibrahim memaksa dan berkata bahawa Baginda akan tetap tahan. Lalu Baginda disuruh berpaling sebentar, kemudian berpaling melihat ke arah Malaikatulmaut, tiba-tiba keadaannya ialah sebagaimana yang diceritakan di mana ianya menjelma sebagai seorang yang berkulit hitam pekat, semua bulunya berdiri, baunya sangat busuk, pakaiannya serba hitam dan dari lubang hidungnya dan mulutnya terkeluar api dan asap.

Apabila Nabi Ibrahim melihatnya, lalu Baginda tidak sedarkan diri, dan setelah ingat kembali dan Malaikatulmaut kembali seperti biasa lalu Baginda bersabda:

"*Andainya seseorang kafir dan derhaka itu tidak menerima siksa yang lain, kiranya sudah cukuplah ianya tersiksa ketika melihat rupa Malaikatulmaut itu.*"

Kemudian pernah juga Nabi Ibrahim Alaihissalam meminta supaya Malaikatulmaut menampakan dirinya ketika mencabut roh orang mukmin. Setelah berpaling lalu melihat kepada Malaikatulmaut itu semula, tiba-tiba Malaikatulmaut itu berkeadaan menjelma sebagai seorang pemuda yang lawa, cantik pakaiannya dan wangi baunya.

Demikianlah wahai kaum Muslimin gambaran yang diceritakan di dalam kitab Ihya Ulumuddin mengenai rupa bentuk Malaikatulmaut ketika mencabut nyawa atau roh dua jenis golongan manusia iaitu yang mukmin yang tidak derhaka kepada Allah dan golongan yang kafir dan derhaka serta berlaku maksiat kepada Allah. Maka kini kita tinggal memilih sama ada ingin didatangi oleh Malaikatulmaut dalam keadaannya yang baik rupanya dan wangi baunya atau dalam keadaan yang buruk dan menakutkan itu. Dan andainya kita ingin ianya datang dalam keadaan yang baik dan tidak menakutkan, maka tidak ada cara lain bagi kita selain dengan bersikap sedia lebih awal dengan amal kebajikan, mentaati perintah-perintah dan suruhan Allah, tidak berlaku derhaka dan membuat maksiat kepada Allah. Inilah yang dapat menjamin di mana Malaikatulmaut akan datang dalam keadaan baik dan tidak menakutkan, insya-Allah.



Hari terbuka MPSUB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan akan mengadakan hari terbuka sempena majlis penyampaian sijil maktab tersebut.

Hari terbuka itu akan diadakan selama tiga hari berturut-turut iaitu hari Isnin, 29 Februari dari jam 1.00 tengah hari hingga 5.30 petang; Selasa, 1 Mac dan 2 Mac bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.30 petang.

Pada hari itu, jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta juga akan menyertai pameran yang berhubung dengan pendidikan di negara ini.

Oleh yang demikian orang ramai adalah dipersilakan hadir ke majlis tersebut pada masa-masa yang telah ditetapkan.

Bersedekah tidak akan kurangkan harta seseorang

SALAH satu ajaran Islam yang merupakan anjuran yang sangat-sangat ditekan-kan yang pada hakikatnya banyak memberikan manfaat kepada diri sendiri dan kehidupan bermasyarakat ialah memberi sedekah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang bermaksud: "Mereka yang menafkahkan hartanya pada malam dan siang, tersembunyi atau nyata, maka bagi mereka itu pahala di sisi Tuhan mereka, dan tiada ketakutan atas mereka itu dan tiada dalam dukacita."

Diriwayatkan dari Abid-Darda bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: "Tiada naik matahari melainkan dibangkitkan di tepinya dua Malaikat dan menyeru keduanya dan didengar oleh sekalian isi bumi melainkan jin dan manusia, marilah kamu kepada Tuhan kamu, maka bahawasanya harta

yang sedikit adalah memadai dari yang banyak yang melalaikan dia dari Tuhan, dan dua Malaikat itu menyeru: "Hai Tuhanku segerakan oleh-Mu bagi yang menafkahkan hartanya akan gantinya, dan segerakan oleh-Mu bagi orang yang memegang (menengah) kepada menafkahkan hartanya itu akan binasanya."

Selain itu sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Sedekah yang tersembunyi itu memadamkan kemurkaan Tuhan, dan sedekah yang nyata itu dinding daripada api neraka."

Diriwayatkan oleh Abi Hurairah bahawa beliau mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Tiada daripada seorang hamba yang memberi akan orang yang meminta akan sesuatu dan jikalau satu suap makanan sekalipun melainkan

menolak Allah Taala daripadanya akan siksanya."

Menurut pendapat ulama, sedekah itu ada sepuluh kepujiannya, lima di dunia dan lima di akhirat.

Lima kepujian di dunia itu ialah:

- (1) Menyucikan harta
- (2) Menyucikan badan
- (3) Menolak bala dan penyakit

sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Ubatkan oleh kamu akan yang sakit dengan sedekah."

- (4) Memberi kesukaan kepada orang-orang miskin dan orang-orang Mukmin.
- (5) Berkat harta dan meluaskan rezeki, firman Allah: "Dan barang yang kamu nafkahkan daripada sesuatu, maka akan digantikan dia."

Lima kepujian di akhirat itu pula ialah:

- (1) Menjadi penaung

Menuju Keredaan Allah

atau payung di hari kiamat.

- (2) Ringan hisab.
- (3) Memberatkan timbangan kebajikan.
- (4) Memudahkan ketika lalu meniti Sirat.
- (5) Bertambah darjat di dalam Syurga.

Sesungguhnya dengan bersedekah tidaklah akan mengurangkan harta seseorang, kerana hal ini dijamin oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sabda Baginda: "Tiada kurang harta daripada sedekah, tetapi menambah di dunia dan berkat padanya dan menolak kebinasaan daripadanya dan dibalas di akhirat."

Persiapan menjelang sambutan Hari Kebangsaan



JALAN-JALAN UTAMA DI IBU NEGARA DIHIASI DENGAN PINTU GERBANG

NEGARA kita yang akan menyambut ulangtahun ke-5 Hari Kebangsaan yang jatuh pada 23 Februari ini sudah mula terasa dan nampak kesibukan ke arah menyediakan keperluan-keperluan bagi memeriahkan sambutan untuk hari yang amat bermakna dan bersejarah itu.

Kemerdekaan bagi sesebuah negara adalah kemuncak kedaulatan survivalnya yang menjadi kebanggaan untuk selamanya. Untuk itu ia perlu dikenang dan dihormati dengan kesedaran dan tanggungjawab yang mendalam.

Tanggungjawab yang kita maksudkan bukan saja untuk

mempertahankan kedaulatannya dari sebarang ancaman musuh atau gangguan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, tetapi kita pikul bersama dan yang sama pentingnya ialah 'mengisi ruang kemerdekaan' itu sendiri.

Setiap rakyat dan penduduk negara ini mempunyai tanggungjawab masing-masing, bahkan tidak ada yang terkecuali dan terlepas dari tanggungjawab tersebut menurut keupayaan masing-masing. Setiap orang bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan dan keamanannya; setiap orang bertanggungjawab membangun dan mengharumkan nama baik negara.

Inilah tuntutan kemerdekaan yang menuntut setiap

OLEH TIMBANG BAKAR
GAMBAR-GAMBAR OLEH PG. BAHAR PHO

orang meningkatkan produktiviti dan kualiti masing-masing terutamanya dalam bidang-bidang yang mereka ceburi atau yang diusahakan. Sama ada mereka itu nelayan, petani, pegawai, kakitangan kerajaan, buruh, peniaga dan sebagainya masing-masing mempunyai peranan yang penting dalam mengisi kemerdekaan negara kita.

Kerana kita harus sedar, walaupun negara kita sudah merdeka penuh, tetapi 'kuasa' ekonomi kita belum mencapai matlamat sebenar. Sedangkan kekuatan ekonomi amat penting untuk kestabilan dan kemakmuran negara.

Demikian juga halnya dengan bidang-bidang lain masih banyak yang perlu kita pertingkatkan, perbaiki dan mengemaskinikannya. Seperti bidang sosial dan kemasyarakatan, pelajaran, kebudayaan dan sebagainya. Semua ini memerlukan implementasi meluas, cekap, cergas dan bersungguh-sungguh.

Mengambil kira dengan langkah-langkah yang sedemikian itu, makanya tema sambutan Hari Kebangsaan kita tahun ini yang berbunyi BEDISIPLIN CERGAS BERBUDAYA NEGARA BAHAGIA yang disesuaikan dengan matlamat semangat dan cita-cita kita dalam mengisi kemerdekaan tersebut.


Konsep sambutan Hari Kebangsaan tahun ini ialah penyertaan semua masyarakat. Inilah yang akan menjadi asas kepada upacara-upacara perhimpunan agung pada 23 Februari nanti dan juga semua acara-acara yang diunkayahkan sepanjang perayaan Hari Kebangsaan.

Dalam mengimplementasikan konsep tersebut, adalah diharapkan segenap lapisan masyarakat di negara ini, baik mereka yang menjadi rakyat ataupun penduduk tetap negara ini, akan dapat sama-sama bekerjasama dan melibatkan diri atau menyumbangkan tenaga bagi menyemarakkan sambutan-sambutan Hari Kebangsaan tersebut.

Bagi mencapai matlamat tersebut, adalah perlu penglibatan mana-mana pihak persendirian atau badan-badan pertubuhan

SEBUAH pintu gerbang yang hampir siap berdekatan simpang jalan ke Istana Darul Hana dan Hijau Baiduri di Jalan Tutong (atas).

PINTU gerbang yang dibina berdekatan dengan Bangunan Kementerian Kewangan dan Bangunan Sekretariat di Jalan Sultan (atas kiri).



KEINDAHAN dan kehalusan seniukir dan senibina kita merupakan warisan tradisi yang masih utuh walaupun dilanda berbagai pengaruh moden. Rekabentuk yang indah ini merupakan hiasan tambahan kepada arca empat segi di Jalan Dato Ibrahim.


yang ada di negara ini menyertai dalam perhimpunan agung Hari Kebangsaan dan juga dalam mana-mana acara sambutan tanpa menghadkan bilangan penyertaan mereka.

Pembinaan pintu-pintu gerbang yang berwarna-warni yang masing-masing memperlihatkan lambang-lambang dan simbol-simbol tertentu sudah menjadi sebahagian dari tradisi kita apabila menyambut hari-hari perayaan kenegaraan.

Sekarang kita sudah dapat

lihat beberapa buah pintu gerbang sedang dalam pembinaan di beberapa batang jalan raya utama di ibu negara termasuk juga di Jalan Berakas dan Jalan Tutong. Pintu-pintu gerbang ini akan menambah lagi meriahnya suasana sambutan Hari Kebangsaan kita.

Selain dari pembinaan pintu-pintu gerbang, bangunan-bangunan juga akan dihias dengan lampu-lampu cucuk yang berbagai corak dan warna di samping kibaran bendera negara.



MASJID Omar Ali Saifuddin di ibu negara memang sering menjadi tumpuan pelancong kerana keindahan dan keunikannya. Keindahannya akan bertambah seri dengan pembinaan pintu gerbang di pintu utama masjid ini.



Oleh Dk. Saidah POA
Gambar-gambar oleh Pg. Bahar PHO

KUALA BELAIT 3 Feb. — Daerah Belait merupakan daerah terpenting bagi pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam kerana di sinilah terletak sumber pendapatan negara iaitu minyak dan gas.

Memandangkan peranannya sebagai sumber pendapatan utama negara maka tidak hairanlah berbagai-bagai projek kerajaan telah dijalankan di daerah tersebut. Hingga masa kini Daerah Belait terus pesat membangun baik di bidang ekonomi, kesihatan, pelajaran, kemasyarakatan dan seumpamanya.

Baru-baru ini, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa telah mengadakan lawatan kerja bagi meninjau projek-projek kemajuan di daerah tersebut.

Menyertai rombongan Yang Berhormat ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang

Kaya Periwara Abdul Rashid serta beberapa orang pegawai kanan dari kementerian tersebut.

Sebelum meninjau beberapa projek kerajaan, Yang Berhormat Pehin terlebih dahulu mendengarkan taklimat mengenai perkembangan projek-projek kerajaan yang diusahakan oleh Pejabat Daerah Belait yang disampaikan oleh Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

Dalam taklimat tersebut Pegawai Daerah Belait antara lain menerangkan bahawa jabatan tersebut kini mempunyai 162 orang pegawai dan kakitangan.

Menurut Dato Paduka Awang Haji Puasa, untuk meningkatkan hubungan dengan orang ramai jabatan tersebut telah menjalankan berbagai-bagai aktiviti antaranya mengadakan pertandingan membaca Al-Quran, mengadakan majlis ramah mesra, sukan dan sebagainya di samping mengadakan lawatan ke mukim-mukim dan kampung-kampung.

Di samping Pegawai Daerah, taklimat juga telah disampaikan oleh ketua-ketua

bahagian yang mengusahakan projek kemajuan daerah berkenaan.

Antara projek-projek yang diusahakan oleh jabatan tersebut bagi sepanjang tahun ini seperti menembuk dan meratakan tanah untuk bengkel gerai kerja dan stor yang bermula pada bulan lepas, membina lima buah gerai di kawasan bangunan pejabat kerajaan di Sungai Tujuh, meninggikan taraf kawasan Balai Raya di Kampong Labi bagi tempat permainan kanak-kanak, dan membina jalan-jalan kecil dan jambatan-jambatan baharu di mukim-mukim di daerah itu.

Tempat yang pertama dilawati oleh Yang Berhormat Pehin ialah Pos Kawalan Sungai Tujuh yang mana jauhnya kira-kira 13 kilometer dari Pekan Belait.

Pos Kawalan tersebut mengendalikan lebih 600 orang yang melaluinya setiap hari iaitu antara Negara Brunei Darussalam dengan Sarawak. Ianya dikendalikan oleh empat buah jabatan iaitu Jabatan Imigresen, Kastam, Polis dan Perubatan.

Yang Berhormat Pehin seterusnya meninjau projek perumahan bagi pegawai-pegawai rendah kerajaan di bawah Skim Perpindahan Kerajaan yang terletak di Jalan Mumong.

Projek perumahan tersebut antara lain menyediakan empat buah blok rumah pangsa kelas F yang mengandungi 24 buah unit dan dijangka siap pada bulan April tahun ini.

Yang Berhormat Pehin mengakhiri lawatan beliau dengan meninjau persekitaran pantai perangan Lumut.

Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi orang ramai di pantai perangan itu seperti menyediakan pondok-pondok gerai jualan, menyediakan pondok-pondok rehat dan menyediakan alat-alat permainan kanak-kanak.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika mendengar penerangan mengenai Pos Kawalan Sungai Tujuh oleh Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad, Pengawal Imigresen dan Pendaftar Taraf Kebangsaan (kiri). Sementara gambar atas kelihatan Yang Berhormat berserta rombongan meninjau lebih dekat Pos Kawalan Sungai Tujuh.

Tinjau projek-projek kerajaan di Belait



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa ketika menghadiri taklimat semasa Yang Berhormat mengadakan lawatan ke Daerah Belait minggu lalu. Di kiri Yang Berhormat ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ketua Kg. Sungai Besar yang baru

MUARA 4 Feb. — Kampong Sungai Besar kini mempunyai Ketua Kampung yang baru.

Lantikan Awang Chuchu Haji Ibrahim 35 tahun, yang sebelumnya memegang jawatan sebagai Pemangku Ketua Kampung sejak tahun 1982 sebagai Ketua Kampung Sungai Besar yang baru berkuatkuasa sejak 1 Disember tahun lalu.

Surat lantikan beliau telah diserahkan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Mohammad bin Haji Seruddin bertempat di rumahnya di Kampong Sungai Besar pada malam Khamis lalu.

Dato Paduka Haji Mohammad, dalam ucapannya menyeru penduduk-penduduk kampung agar memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Ketua Kampung yang baru itu dalam menjalankan tugasnya sebagai Ketua Kampung bagi kemajuan dan kebajikan kampung berkenaan.



DATO Paduka Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin, Pegawai Daerah Brunei dan Muara membuka tirai papan tanda nama Ketua Kampung Sungai Besar yang baru. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



YANG Berhormat dan rombongan diberikan penerangan ringkas oleh salah seorang pegawai Jabatan Kerja Raya semasa melawat projek perumahan bagi pegawai-pegawai rendah kerajaan.

50 orang pelukis tempatan hadiri bengkel dan demonstrasi cat air

BANDAR SERI BEGAWAN 1 Feb. — Bengkel dan demonstrasi cat air anjuran bersama oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan Suruhanjaya Tinggi British di negara ini dengan kerjasama Persatuan Pelukis-pelukis Brunei telah diadakan di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residency di sini.

Bengkel selama dua hari itu dikendalikan oleh seorang pelukis British, Awang Ron Ranson yang berusia 63 tahun.

Di hari itu Awang Ron Ranson juga menunjukkan cara-cara melukis dengan meng-

gunakan cat air.

Bengkel tersebut bermula dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad.

Kira-kira 50 orang pelukis-pelukis tempatan menghadiri bengkel tersebut.

Ia bertujuan untuk menarik pelukis-pelukis tempatan bagi memerhati dan mempelajari teknik melukis dengan menggunakan cat air.

Bengkel itu juga dibuka bagi kunjungan orang ramai selama sehari dari jam 9 pagi hingga 12 tengah hari.

BEKERJA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN SOPAN SANTUN

Oleh Dk. Fatimah PHMN

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Feb. — Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja menekankan yang kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Latihan jabatan ini merupakan pelaburan yang mana faedahnya adalah tergantung kepada peserta-peserta kursus dalam melaksanakan tugas seharian mereka.

Pelaburan yang dimaksudkan itu tegas Yang Amat Mulia bukan sahaja melibatkan wang kerajaan tetapi tenaga manusia dan

fikiran dalam mengendalikannya. Oleh itu janganlah hendaknya diangap bahawa urusan ini sebagai peluang pensyarah-pensyarah berlatih memberi ucapan atau peluang bagi para peserta meluahkan kritik-kritik yang tidak sihat untuk melepaskan perasaan yang marah atau geram.

"Saya mengharapkan setiap peserta kursus akan dapat menunjukkan kebolehan menjalankan tugas masing-masing dengan berkeyakinan, sopan santun, bersih, cekap lagi amanah, sesuai dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada meningkatkan produktiviti dan mewujudkan sebuah pentadbiran yang efisien.

Yang Amat Mulia melahirkan perasaan dukacita, kalau ada pegawai yang semata-mata mengejar gaji tinggi tanpa mempunyai "komitmen" kepada tugas harian. Dalam hubungan itu Yang Amat Mulia menyeru pegawai-pegawai di jabatan itu supaya akan sentiasa rajin menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh, tekun dan dedikasi supaya peranan jabatan ini dalam mengutip hasil dan perkhidmatan dengan orang ramai akan lebih tersusun dengan rapi dan lancar.

Yang Amat Mulia juga mengingatkan pegawai-pegawai Kastam dan Eksais Diraja supaya menjalankan tugas mereka dengan jujur, bersih, amanah dan tidak menyeleweng daripada tugas yang diamanahkan dan menjaga imej bukan sahaja sebagai pegawai di jabatan ini tetapi juga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ucapan juga telah disampaikan oleh Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Mohammad Eusoff Agagi bin Haji Ismail, dan Ketua Bahagian Latihan Kastam, Awang Haji Gharif bin DSL Haji Samat.

Seramai 38 orang peserta telah mengikuti Kursus Asas bagi pegawai-pegawai Kastam dan Pemeriksa yang baru berkhidmat yang bermula pada 11 Januari hingga 3 Februari lepas bertempat di Ibu Pejabat Kastam itu.

Antara objektif yang terkandung ialah untuk memperihalkan tugas dan tanggungjawab agar pegawai-pegawai baru, menyedari apa yang harus mereka lakukan sebagai anggota baru, untuk memupuk semangat serta sikap yang positif pegawai-pegawai baru di samping memupuk ketaatan setia terhadap negara, agama dan organisasi, untuk memimpin dan memupuk kesedaran kepada pegawai-pegawai baru bahawa kesalahan yang lazimnya dilakukan oleh sebab



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja Brunei menyampaikan sijil kepada salah seorang Pegawai Kastam. — Gambar oleh Harun Rashid.

kurangnya pengetahuan kemahiran dan sikap mereka masih di tahap yang agak rendah dan untuk memperkenalkan dengan secara menyeluruh mengenai organisasi agar pegawai-pegawai baru sedar di mana mereka bertugas.

Kursus yang dianjurkan bersama oleh Unit Latihan Pejabat Perjawatan juga

mengetengahkan mengenai organisasi dan fungsi jabatan, General Order, syarahan agama, perhubungan awam, rasuah dan lawatan sambil belajar. Kursus juga berjaya menerangkan mengenai Akta Kastam, Tariff Kastam, CCCN, borang-borang yang digunakan oleh Jabatan Kastam dan tugas-tugas kastam di Pejabat Pos.

DBP terbit enam buah buku terbaru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka kini sedang memasarkan enam buah buku terbitan terbarunya.

Buku-buku tersebut yang bertajuk Serigala Yang Malang, Tidak Menurut Perintah, Rumah Besar Di Atas Bukit, Hidup Berkawan-kawan, Bacaan Jawi Dewan 3 dan Bacaan Jawi Dewan 4 kini boleh didapati di Kedai Buku Dewan Bahasa dan Pustaka yang terletak di Tingkat Bawah Bangunan DBP dengan harga di antara \$3.00 hingga ke \$4.70 senaskah.

Orang ramai yang berhajat membeli buku-buku tersebut bolehlah datang ke Kedai Buku DBP pada hari-hari waktu bekerja atau pada hari Ahad jam 8.30 hingga 11.30 pagi dan dari jam 1.30 hingga 4.00 petang.

Sementara bagi mereka yang ingin berlanggan buku atau majalah setiap terbitan terbaru bolehlah mengisi borang langganan yang boleh didapati di Bahagian Pemasaran, Dewan Bahasa dan Pustaka dan hendaklah dikembalikan ke bahagian yang sama.



INILAH buku-buku terbitan DBP yang sedang dipasarkan berhadapan dengan \$3.00 ke \$4.70 senaskah.



SEBAHAGIAN daripada pelukis-pelukis tempatan yang menghadiri bengkel dan demonstrasi cat air yang telah dilangsungkan di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan baru-baru ini. Bengkel tersebut dikendalikan oleh Awang Ron Ranson, seorang pelukis British. Dalam gambar kelihatan Pengiran Asmalee, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan (berkaca mata) ketika hadir di bengkel tersebut. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Limau Manis	10.2.1988	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Pengkalan Batu	10.2.1988	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Masin	10.2.1988	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kupang	10.2.1988	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	11.2.1988	Khamis	9.00-10.00 pagi
Letak Kereta di Kawasan NAAFI Berakas			
Garison	11.2.1988	Khamis	10.05-11.05 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	11.2.1988	Khamis	9.45-10.45 "
Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat, Pulaie	11.2.1988	Khamis	9.30-10.30 "
Sekolah Rendah Jerudong	13.2.1988	Sabtu	8.30- 9.30 "
Pusat Tahanan Jerudong	13.2.1988	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Sengkurong	13.2.1988	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Bebuloh	13.2.1988	Sabtu	10.00-11.00 pagi
Sekolah Ugama Sengkurong (Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaut)	13.2.1988	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah OKSB Kilanas	13.2.1988	Sabtu	3.15- 4.15 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	14.2.1988	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kampung Perpindahan Serasa	14.2.1988	Ahad	10.15-11.15 "
Di Hadapan Kedai Muara	14.2.1988	Ahad	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Lumapas	15.2.1988	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Junjungan	15.2.1988	Isnin	9.00-10.00 "
Sekolah Rendah Panchor Murai	15.2.1988	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Ingeris Berakas (Bhg Rendah) Bolkah Garison	15.2.1988	Isnin	2.00- 3.00 petang
			3.30- 4.30 "
Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas	16.2.1988	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah OKBI Subok	16.2.1988	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	16.2.1988	Selasa	10.00-11.00 "



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu bersama Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad menguji Pesawat Udara F16A sewaktu pesawat tersebut membuat pertunjukan di Hangar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Jet pejuang Tentera Udara Peranchis adakan pertunjukan

BERAKAS 1 Feb. — Dua buah jet pejuang Tentera Udara Peranchis telah dipertunjukkan di Hangar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini Isnin lalu.

Pertunjukan selama sehari itu bertujuan bagi mengenalkan pesawat tersebut kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di samping memberi peluang kepada juruterbang tempatan membuat latihan secara mendalam penggunaan pesawat tersebut.

Antara yang hadir di pertunjukan tersebut ialah Tim-

balan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu; Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad; Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran) Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Alimin, Setiausaha Tetap (Pembangunan dan Kewangan), Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya serta Duta Besar Republik Peranchis dan Jerman ke negara ini.

Perkumpulan Isteri-Isteri Republik Indonesia buat lawatan

GADONG 31 Jan. — Perkumpulan Kebajikan Isteri-Isteri Polis (PEKERTI) telah mengadakan satu majlis perpisahan bagi Perkumpulan Isteri-Isteri Polis dari Republik Indonesia di Mess Pegawai Polis di sini.

Pelawat-pelawat dari Republik Indonesia itu tiba di negara ini bagi lawatan muhibah selama tiga hari.

Mereka diketuai oleh Ibu Nani Suryani isteri kepada kepala Kepolisian Nasional Republik Indonesia.

Majlis pada malam itu diadahi dengan ucapan alu-aluan dari Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri-Isteri Polis Brunei, Datin Suraya binti Haji Harun dan diikuti dengan ucapan dari Ibu Nani Suryani.

Kemudian kedua-dua kumpulan itu mengadakan berbagai-bagai persembahan serta nyanyian, tarian dan pertunjukan fesyen.

Antara lain tujuan lawatan mereka ke negara ini ialah bagi mengeratkan silaturahim antara kedua-dua perkumpulan itu di samping itu mereka dapat bertukar-tukar fikiran antara satu dengan yang lain dan mereka dapat mempelajari serba sedikit adat resam dan kebudayaan negara ini.

BERAKAS 31 Jan. — Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Dato Matnor menyeru semua pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan supaya akan dapat mengamalkan dan mempergunakan sepenuhnya falsafah QCC (Quality Circle Control) sebagai satu kaedah pengurusan yang berkesan dalam pentadbiran kerajaan.

Menurut Awang Haji Ahmad, falsafah tersebut bukan sahaja berfaedah bagi menganalisa dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi bahkan juga sebagai strategi untuk meningkatkan produktiviti, pembentukan dan perkembangan pasukan (team building and development) serta mewujudkan suasana perhubungan yang bersefahaman di kalangan mereka di jabatan masing-masing.

Ke arah itu, beliau sukacita menarik perhatian betapa pentingnya usaha bekerjasama dan bantu-membantu di antara pegawai dan kakitangan sama ada dalam satu jabatan atau kementerian yang sama ataupun berlainan diamalkan untuk mewujudkan perpaduan dalam perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam.

Berucap di Malam Penghargaan Jabatan Perjawatan, Jabatan Perdana Menteri yang telah

dilaksanakan di Restoran Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini minggu lalu, Awang Haji Ahmad seterusnya berkata:

"Dari itu untuk membolehkan keadaan ini berlaku apa yang perlu dipupuk bersama ialah semangat berkumpulan (team spirit) yang dipadukan dengan suasana yang penuh kemesraan, muhibah dan kerjasama di semua peringkat seperti kata pepatah 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing'.

Awang Haji Ahmad berkata, falsafah QCC adalah berdasarkan kepada konsep pengurusan secara penyertaan dan humanistik yang telah mula berkembang di sekitar tahun 60-an dan penggunaannya semakin meluas dari masa ke semasa.

"Konsep ini adalah selaras dengan kebanyakan teori pengurusan yang berasaskan kepada kepercayaan bahawa setiap kakitangan adalah bertanggungjawab terhadap kerja dan kualiti kerjanya itu."

Menurutnya, konsep tersebut apabila diteliti dengan secara terperinci adalah mengandungi ciri-ciri yang terpenting dalam mem-

pastikan keberkesanan perkhidmatan dan pengurusan sesuatu kerja yang dilaksanakan.

Menyentuh mengenai dengan pertandingan akhir peraduan Kumpulan Pekerja Cemerlang (KPC) pada tahun lalu, Awang Haji Ahmad berkata ianya merupakan satu langkah yang positif dalam usaha untuk meningkatkan tahap prestasi dan produktiviti di kalangan kakitangan perkhidmatan awam.

Karena, jelas Awang Haji Ahmad, dengan usaha ini kita boleh mencapai mutu perkhidmatan yang tinggi sesuai dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mewujudkan satu pentadbiran yang berkesan, cekap, jujur lagi amanah.

Pegawai dan kakitangan kerajaan diseru AMALKAN SEPENUHNYA FALSAFAH QCC

Oleh Jaafar Hj. Ibrahim



AWANG Haji Ahmad bin Dato Matnor, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri ketika menyampaikan cenderamata penghargaan kepada salah seorang pegawai kerajaan. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 3 Februari, 1988.

BANDAR SERI BEGAWAN 2085

- 1) Beras Wangi 3A (Cap Burung) seguni \$10.50.
 - a) Kedai Chop Hen Leong No. 31, Jalan Sultan.
 - b) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 2) Telur Ayam Tempatan sepapan \$6.00.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 3) Beras Pulut segantang \$2.80.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 4) Bawang Besar sekilo \$1.30/sekati 80 sen.
 - a) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.
 - b) Kedai Leong Soom Huat, No. 1, Jalan McArthur.
- 5) Cuka Yeo's 350ml sebotol 70 sen.
 - a) Kedai Chop Kian Lee No. A4, Jalan Robert.
 - b) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.

TUTONG 5082

- 1) Beras Wangi 3A (Cap Burung) seguni \$10.50.
 - a) Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
- 2) Telur Ayam Tempatan sepapan \$5.80.
 - a) Kedai Soon Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
- 3) Beras Pulut segantang \$3.00.
 - a) Kedai Lim Kian Seng No. 3 Jalan Enche Awang.
 - b) Kedai Chop Tong Huat No. 17, Jalan Enche Awang.
- 4) Bawang Besar sekilo \$1.50/sekati 90 sen.
 - a) Kedai Soon Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
- 5) Cuka Yeo's 350ml sebotol 80 sen.
 - a) Chop Yee Seng No. 9 Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang.



DATIN Suraya binti Haji Harun, Yang Dipertua PEKERTI ketika meraikan Perkumpulan Isteri-Isteri Polis dari Republik Indonesia di majlis makan malam dan perpisahan yang telah diadakan di Mess Pegawai Polis, Gadong. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

LAGU PATRIOTIK BERGEMA LAGI

U LANG tahun kelima 'Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' hanya kurang lebih tiga minggu sahaja lagi akan dirayakan. Persiapan-persiapan awal untuk merayakan hari tersebut kini kelihatan sibuk dibuat di sana sini. Radio Televisyen Brunei, satu-satunya media kerajaan yang sering kali menentangakan berbagai-bagai maklumat kerajaan juga telah awal-awal menggemakan ketibaan hari kebangsaan tersebut dengan menyiarkan lagu-lagu berirama patriotik melalui rancangan-rancangan radio dan televisyen.

Empat tahun dulu iaitu pada minggu-minggu terakhir tahun 1983, kita semua telah mula diperdengarkan dengan pelbagai rangkap lagu-lagu berirama patriotik di peti-peti radio dan juga televisyen, yang dipancarkan oleh Radio Televisyen Brunei. Lagu-lagu patriotik tersebut sememangnya dicipta bagi kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini, terutamanya untuk memberikan gambaran betapa tingginya semangat kita untuk membangun negara, bersedia berkorban untuk mempertahankan kedaulatan tanahair dan bangsa, taat beragama, setia kepada raja dan bermacam-macam lagi madah yang dicetuskan dalam lirik lagu tersebut.

Sebelum tanggal 23 Februari, lagu-lagu patriotik akan bergema di peti-peti radio dan televisyen kita. Ini menandakan perayaan memperingati ulang tahun

hari kebangsaan negara kita menjelang tiba. Sambutan perayaan yang diadakan adalah merupakan semacam suatu kewajiban kepada diri kita. Kewajipan satu bangsa yang benar-benar mencintai kedaulatan negara, agama, raja dan bangsanya sendiri.

Dalam hal ini Radio Televisyen Brunei sememangnya mengambil peranan penting untuk menerapkan amanat kerajaan kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Sesuai dengan fungsi Radio Televisyen Brunei sebagai media untuk menghibur, memberi maklumat dan mendidik, lagu-lagu berirama patriotik yang disiarkan ke udara itu juga mempunyai peranan tersendiri.

Kata-kata sakti sememangnya permainan pu-jangga. Di dalam kata-kata yang bermakna boleh ditakrifkan dengan 1001 pengertian. Justeru itu pula, senikata yang terdapat di dalam lagu-lagu berirama patriotik itu juga adalah merupakan rangkaian-rangkaian kata, yang dicipta khas bagi memuja kemerdekaan bangsa dan negara kita. Sebagai media penyampai Radio Televisyen Brunei adalah bertanggungjawab menggemakan lagu-lagu tersebut ke udara. Sejauh ini, Radio Televisyen Brunei telah merakam 14 buah lagu-lagu berirama patriotik, hasil ciptaan penulis lirik dan juga pemuzik-pemuzik tanahair kita sendiri.

Tak Kenal Maka Tak

Cinta, adalah merupakan rangkaian kata-kata peribahasa Melayu yang telah dicipta sejak zaman berzaman. Mungkin begitulah juga pada sebahagian dari masyarakat kita, yang tidak mengenali dan mengindahkan langsung lagu-lagu berirama patriotik ini disiarkan sama ada di Radio Brunei mahupun di Televisyen Brunei. Mungkin barangkali bagi mereka sendiri lagu-lagu ini tidak seindah dan semerdu lagu-lagu berirama rock, dangdut atau sebagainya. Namun bagaimanapun, sebagai masyarakat yang seringkali mengikuti rancangan siaran radio ataupun televisyen mereka sendiri, haruslah sentiasa memberikan perhatian yang mendalam kepada

lagu-lagu berirama patriotik tersebut.

Radio Brunei hanya setahun sekali menggemakan lagu-lagu berirama patriotik ke udara, iaitu teristimewa di hari-hari ulang tahun 'Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'. Pada ketika ini sehinggalah berakhirnya sambutan hari kebangsaan nanti, masyarakat pendengar berpeluang mendengar lagu-lagu tersebut di Radio Brunei dan juga di Televisyen Brunei. Jadinya, untuk menambatkan semangat cinta terhadap negara, agama, raja dan bangsa kita sendiri, cubalah berusaha menilai dan mengupas makna yang tersirat di dalam lagu-lagu berirama patriotik tersebut.

Sandiwaras Radio:

"HATIKU HATIKU JUA"

MINGGU ini Sandiwaras Radio berjudol HATIKU HATIKU JUA, tulisan Ruzana Tamam, Johor Bahru, Malaysia.

Sandiwaras ini menggemakan tentang kesetiaan seorang gadis terhadap kekasihnya yang terpaksa pergi keluar negeri untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi dan guna untuk menjamin kehidupan mereka di masa yang akan datang.

Jangkamasa lima tahun bukanlah waktu yang singkat. Tidak semua orang

tabah dan tetap setia pada janji dalam jangkamasa selama itu. Tapi bagi Zana hatinya tidak pernah berubah, dan tetap berpegang teguh pada janji-janjinya bersama Fadli kekasihnya.

Dalam tempoh lima tahun itu, banyak dugaan yang diterimanya. Lebih-lebih lagi Hisyam yang bersikap mendesak agar Zana menerima cinta sucinya. Bermacam-macam helah dilakukannya untuk menarik perhatian Zana. Ia menyangka hanya Zana saja yang masih mengharap kasih Fadli, sedangkan dalam pendapatnya, Fadli sudah tentu telah terpengaruh dengan keadaan di Barat dan melupakan Zana.

Semua itu Zana anggap hanya sebagai dugaan semata. Ia tetap dengan kesetiannya. Tapi keadaan menjadi berubah bila Zana mendapat tahu dari teman sebilikannya yang Fadli telah melangsungkan perkahwinan dengan gadis lain.

Benarkah berita itu? Kami persilakan awda pendengar untuk mengikuti siaran Sandiwaras Radio ini nanti pada 14 Februari, 1988 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Helen Thu.



GAMBAR kelihatan Penerbit Rancangan Drama Muzikal TV ini (Pg Tajuddin Pg Haji Tengah) sedang berdiri di tengah memberikan penerangan kepada dua orang pelakon tempatan berdiri di kanan Liau Haji Badar (Haji Rais Banih) dan berdiri di sebelah kiri Bu Hjh Kayah. (Dk Maskuin Pg Haji Mohammad).

Promo Drama Tv:

"Peristiwa Lagu-Lagu Dari Filem"

SEBUAH Drama Muzikal yang berjudul "Peristiwa Lagu-Lagu Dari Filem" sedang di dalam penggambaran. Rancangan ini akan dapat kita saksikan pada Hari Raya nanti. Para pelakon yang turut menjayakan dalam rancangan ini ialah keluarga LIAU BADAR. Kali ini penonton akan bertukar selera pula, mereka akan mendendang-

kan beberapa buah lagu yang dipetik dari beberapa buah filem-filem Melayu. Tetapi mereka akan mendendangkan lagu-lagu tersebut dengan suara mereka sendiri.

Apakah mereka dapat menjiwai dalam rancangan ini...? Untuk itu sama-samalah kita tunggu tayangannya nanti.

Tetamu Radio

TETAMU kita kali ini ERM Y KULLIT penyanyi lagu-lagu Jazz dari Indonesia. Ikutilah bualan Haji Ali Haji Aji bersamanya yang akan disiarkan pada hari Jumaat 12 Februari, 1988 jam 4.00 petang.



Mari Memasak: APAM

BAHAN-BAHAN-
NYA :—

- 500 gram tepung beras
- 4½ cawan santan pekat diambil dari 1 biji kelapa
- ¾ cawan gula
- ½ cawan nasi kukus
- ½ sudu teh ibu roti (yeast)
- ½ sudu teh garam.

CARA
MEMBUATNYA :—

1. Campurkan tepung beras dengan pati santan dan garam. Kemudian banchukan ibu roti dengan air suam panas. Bancuh

- gula, nasi dan ibu roti tadi dengan tepung beras selama 1 minit.
2. Setelah dibancuh masukkan ke dalam mangkuk, dan peramkan buat selama 2½ jam untuk mengembangkan adonan tadi.
3. Panaskan minyak di dalam kualiti dengan menggunakan api yang kecil sahaja. Tuangkan 1½ sudu adonan tadi ke dalam kuali yang dipanaskan tadi dan tutuplah buat selama dua minit.
4. Setelah masak bangkitkan dan masukkan lagi adonan tadi seperti biasa sehingga habis.



DALAM semua hal, di suatu pagi yang indah, di sekitar RBS Television Network apabila semua rancangan-rancangan televisyen tergendala oleh "Special Bulletin" yang mengumumkan bahawa di Charleston terdapat satu kumpulan yang tidak dikenali menahan empat orang tebusan dan membuat tuntutan-tuntutan yang melampau untuk membuat keterangan secara langsung melalui RBS Television Network.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

RABU 10 Feb.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ADVENTURES OF LITTLE KOALA
- 5.00 BUTTERFLY ISLAND
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW
- 6.20 PLANTS FOR FREE : "Cutting 2"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 PLANTS FOR FREE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 FAMILY TIES : "My Brother's Keeper"
Alex terpaksa membuat pilihan sama ada setia pada temannya Skippy ataupun kawan-kawan sekolejnya apabila Theta Pi Sigma memilih Skippy menjadi mangsa perbuatan nakal mereka.
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 FAMILY TIES — sambungan
- 8.05 RAGS TO RICHES
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT PELITA
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 ROAD TO WEMBLEY
- 11.00 DYNASTY : "The Surrogate II"
Alexis merendahkan pendapat umum Blake dalam sidang pengarang akhbar. Keinginan Dana untuk mendapatkan ibu bagi mengandungkan anak Adam menjadi dingin bila melihat Adam lebih tertarik pada wanita itu, Leslie pula telah menerima tawaran kerja Alexis walaupun Dex melarang dan Steven mendapati perhubungan Sammy Jo dan Josh semakin rapat.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 11 Feb.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DANGER BAY : "The Only One"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DANGER BAY — sambungan
- 6.00 EXPERIMENT PHYSICS
- 6.25 YOUNG UNIVERSE
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 YOUNG UNIVERSE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 THE CHARMINGS : "Fish Story"
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 THE CHARMINGS — sambungan
- 8.05 HUNTER : "Straight To The Heart"
Hari percutian Hunter di pergunungan menjadi berkecai apabila dia jatuh hati pada seorang wanita jelita yang ada hubungan dengan rumah yang dibakar dengan senhaja yang sedang dalam siasatannya.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 DUNIA MINGGU INI
- 10.25 DEMPSEY AND MAKEPEACE : "Tequila Sunrise"
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR : "Special Bulletin"
- 12.50 SIARAN TAMAT.

JUMAAT 12 Feb.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.10 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
- 12.25 HIDAYAT — ulangan
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.50 HIDAYAT — sambungan

PETANG

- 1.00 CONQUEST
- 1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS : "Jesse Revenge"
- 2.15 SUKAN DUNIA
- 3.15 MASK
- 3.40 AL-KISAH
- 3.56 AZAN ASAR
- 4.00 CAREBEARS : "The Camp Out/ Robot Heart"
- 4.25 PROJECT U.F.O.
- 5.15 THE LIFE AND DEATH
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 BRAT FARRAR
- 6.15 THE MAKING OF . . . : "Pick Up"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 THE MAKING OF . . . — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 REKASENI — ulangan
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 REKASENI — sambungan
- 8.05 INSIDE STORY : "Public Interest" (Episod akhir)
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 DOKUMENTARI JABATAN-JABATAN KERAJAAN DI BAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN : "Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka"
- 10.20 FALCON CREST : "The Great Karloth"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SABTU 13 Feb.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 WORLD OF SURVIVAL : "Antelope — The Graceful Art Of Success"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TOGETHER WE STAND : "Jock's Alter Ego"
- 6.15 MY LITTLE PONY AND FRIENDS
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 MY LITTLE PONY AND FRIENDS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 PERFECT STRANGERS : "Since I Lost My Baby"
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 PERFECT STRANGERS — sambungan
- 8.05 THE FLYING DOCTORS : "Public Property"
Perlumbaan perahu tahunan secara besar-besaran kini kian dekat. Peserta-peserta tempatan kini kian giat menjalani latihan. Cuma yang menjadi persoalan adalah Hurtle dan Ron selalu memenangi perlumbaan ini, dengan cara apa sekali pun.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Gadis Marathon"
- 11.55 HIBURAN TEMPATAN — ANEKARIA
- 12.35 THE EVIL TOUCH : "Faulkner Choice" (Episod akhir)
- 1.05 SIARAN TAMAT.



TAYANGAN gambar bertajuk 'The Spirits' akan ditayangkan pada hari Ahad 14 Februari jam 2.50 petang. Dalam gambar kelihatan dari kiri Sam Jones sebagai Denny Colt dan Nana Visitor sebagai Ellen Dolan (kanan).

AHAD 14 Feb.

PAGI

- 9.00 PEMBUKAAN
- 9.02 AL-QURAN
- 9.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 9.15 MICKEY AND DONALD : "Mickey's Garden"
- 9.40 THE ADVENTURES OF JEREMY/ COLARGOL
- 10.00 RAMPAI PAGI
- 11.00 TAYANGAN GAMBAR

TENGAH HARI

- 12.00 BERITA TENGAH HARI
- 12.15 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 12.37 AZAN ZUHUR
- 12.42 TAYANGAN GAMBAR — sambungan

- 1.00 MUSICAL : VARIETE VARIETE
- 1.50 BIG LEAGUE SOCCER
- 2.50 TAYANGAN GAMBAR : "The Spirits"
Seorang pegawai polis telah mati ditembak dan telah menjadi roh. Roh ini telah menjadi seorang pembasmi jenayah yang handal. Beliau telah menggunakan kebolehan dan kehandalannya untuk memusnahkan sekumpulan penjenayah yang telah menembak mati kawan baiknya.

- 3.56 AZAN ASAR
- 4.01 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 4.35 SILVERHAWKS : "A Piece Of Action"
- 4.45 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL — sambungan
- 6.10 CENTURIONS : "Man Or Machine" Bgh. I
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 CENTURIONS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 DADS : "The Rivals"
Rick dan Louie bercanggah pendapat siapa di antara mereka yang lebih

baik kerana keadaan kehidupan memaksa mereka menyedari anak-anak remaja mereka sedang meningkat dewasa

- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 DADS — sambungan
- 8.05 HOUSTON KNIGHTS (Episod akhir)
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 MENJELANG HARI KEBANGSAAN
- 9.30 BINTANG KECIL 88 — Bahagian Pertama
- 10.25 PETROV AFFAIR
- 11.15 THE HITCH HIKER : "Ghost-writer"
- 11.50 SIARAN TAMAT.

ISNIN 15 Feb.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 RAGGY DOLLS
- 4.55 ONCE UPON A TIME . . . MAN : "The Age Of The Vikings"
- 5.20 BEYOND 2000
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 BEYOND 2000 — sambungan
- 6.20 THE FIRE-RAISER : "Chalmer & Warehouse"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 THE FIRE-RAISER — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 DIFFERENT STROKES : "So You Want To Be A Rock And Roll Star"
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 DIFFERENT STROKES — sambungan
- 8.05 T. J. HOOKER : "Night Ripper"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 MENJELANG HARI KEBANGSAAN
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 SUPERSTAR OF WRESTLING
- 10.50 TAYANGAN GAMBAR : "Serpico"
- 12.30 SIARAN TAMAT.

SELASA 16 Feb.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SEABERT : "Answering The Call"
- 4.40 THE ELECTRIC COMPANY
- 5.10 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN : "The Woolly What's It"
- 5.35 O-LA-LA
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 O-LA-LA — sambungan
- 6.20 THE NEW ADVENTURES OF BEAN BAXTER
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 THE NEW ADVENTURES OF BEAN BAXTER — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 MARI MEMASAK : "Apam" (Resipi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 MARI MEMASAK — sambungan
- 8.05 AIRWOLF : "On The Double"
Kumpulan Airwolf mengembara untuk menyertai pertunjukan udara antarabangsa untuk mengesan ejen yang melepaskan diri siapa yang bekerja selaku juruterbang tentera.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 MENJELANG HARI KEBANGSAAN
- 9.30 BELIA
- 10.50 FLOODTIDE : "Prisoners"
- 11.45 SIARAN TAMAT.

Sambungan minggu lalu

Untuk lebih jelasnya, dikategorikan faktor-faktor yang membawa kepada perceraian itu mengikut peratus terjadinya perceraian:

- 7.1 Ketidadaan pengetahuan dan kefahaman yang mendalam tentang prinsip-prinsip kerukunan dalam rumahtangga, akibat dari faktor ini menyebabkan wujud faktor-faktor lain yang bukan sifatnya sebagai faktor utama. Di antara faktor-faktor itu ialah:
 - i- Wujudnya ketidaksefahaman di kalangan suami isteri.
 - ii- Perasaan cemburu yang melebihi batas.
 - iii- Kecuaian di dalam menunaikan tanggungjawab berumah tangga.
 - iv- Berlaku serung iaitu kalau bagi suami ialah berlaku curang terhadap isteri atau sebaliknya isteri berlaku curang terhadap suami.
 - v- Isteri bersikap tidak tahan ber-madu atau tidak mahu dimadu.
 - vi- Suami bersikap 'king control' menyebabkan isteri-isteri tidak tahan dengan cara kehidupan yang seperti itu atau sebaliknya, iaitu si isteri bersikap 'queen control' dan tentunya suami tidak tahan dengan keadaan hidup yang sedemikian.
 - vii- Sikap tidak bertolak ansur di antara kedua belah pihak.
- 7.2 Perkahwinan dalam masa umur muda.
- 7.3 Terdapat campur tangan keluarga terhadap pasangan yang berkahwin itu, sama ada ianya dari sebelah pihak sahaja atau dari kedua-dua belah pihak.
- 7.4 Masalah ekonomi di dalam rumahtangga, sama ada suami tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi atau isteri bersikap pemboros sehingga suami tidak mampu untuk membelanjai isterinya.
- 7.5 Adanya pekerja-pekerja luar atau asing yang bekerja sementara di Brunei yang berkahwin dengan gadis-gadis tempatan dan kemudian meninggalkan isterinya.
- 7.6 Suami melepaskan perkataan cerai dan talak kepada isterinya di rumah akibat kurang pengetahuan mengenai hukum perceraian.
- 7.7 Perkahwinan yang terdesak akibat perbuatan maksiat yang membawa kepada mengandunya pihak perempuan, di mana keluarga pihak perempuan mendesak pihak lelaki menikahi perempuan yang berkenaan.
- 7.8 Perkahwinan yang umur kedua belah pihak terlampau jauh perbezaannya, seperti suami yang sudah lanjut usia sedangkan umur isterinya masih dalam lingkungan belasan tahun.
- 7.9 Kerana penyakit seperti lemah tenaga batin, sakit jiwa atau sakit otak.
- 7.10 Perkahwinan yang tidak mendapat restu daripada keluarga belah pihak.

Di dalam konteks perceraian yang berlaku di negara kita Brunei Darussalam maka jika diperhatikan kepada data perceraian yang dibuat dari tahun 1981-1986, sepertimana lampiran (B), maka adalah jelas menunjukkan per-tambahannya yang semakin meningkat, walaupun dari segi peratus perbezaannya dengan perkahwinan yang berlaku adalah masih kecil iaitu di dalam lingkungan 11 peratus membawa kepada 15 peratus. Akan tetapi nisbah kepada jumlah penduduk yang beragama Islam di negara kita ini yang kira-kira berjumlah 60 peratus maka ianya adalah merupakan kadar yang agak besar juga.

PERCERAIAN, SEBAB-SEBAB DAN CARA MENGATASINYA



KELIHATAN sebahagian daripada pegawai dan kakitangan kerajaan yang menghadiri kursus Kefahaman Keluarga Islam yang telah diadakan di Pusat Dakwah Islamiah. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Di dalam hal ini, kalau tidak ada langkah-langkah yang dibuat untuk cuba mengurangkan kadar perceraian ini maka kesan-kesan negatif dari perceraian ini juga akan meningkat, terutama yang ada kaitannya dengan masyarakat seperti anak-anak yang terbiar dan tidak terpelihara dengan sempurna. Ini dapat dilihat dari segi kesan-kesan dan akibat-akibat perceraian.

8. Kesan-kesan dan akibat-akibat perceraian dari segi hukum syarak.

Apabila berlakunya perceraian bagi suatu pasangan suami isteri, sama ada atas dasar persetujuan atau kemahuan kedua belah pihak, atau hanya dari sebelah pihak sahaja, ataupun ianya berlaku atas hukuman daripada kadi disebabkan oleh kehendak hukum syarak supaya kadi mengenakan hukuman bercerai atau menfasakhkan nikah kedua belah pihak. Maka apa pun jua yang menyebabkan sesuatu perceraian itu terfasakhnya sesuatu pernikahan itu adalah akan mendatangkan kesan-kesan dan akibat-akibat sama ada ianya berupa perintah-perintah atau hukum yang dikenakan ke atas kedua belah pihak yang bercerai itu hanya sebelah pihak sahaja yang menang-gungnya, iaitu perintah-perintah atau hukuman-hukuman yang datangnya dari hukum syarak.

Di antara kesan-kesan atau akibat-akibat sesuatu perceraian dari segi hukum syarak itu ialah:—

8.1 Beredah

Kalau bagi seorang perempuan ianya adalah dikehendaki menjalani edah di dalam tempoh yang tertentu, iaitu bergantung kepada ke-adaan jenis perceraian yang diterimanya.

Apa yang dikatakan edah itu mengikut hukum syarak ialah tempoh masa di mana seseorang perempuan itu dalam keadaan menunggu dengan tidak dibolehkan berkahwin atau bertunang sehingga habis tempoh masa edah.

Wajibnya seseorang perempuan itu menjani edah setelah diceraikan atau difasakhkan bilamana telah menjadi wajib kepada suaminya membayar semua sekali berian atau mas kahwin perempuan itu (isteri yang diceraikan itu).

Dalil dari Al-Quran dan hadis Rasulullah mengenai wajibnya edah itu ialah:

Firman Allah Subhanahu Wataala:

a) Dari surah Al-Baqarah ayat 228 yang bermaksud: Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid).

(b) Dari surah yang sama ayat 234 bermaksud: Dan orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beredah) selama empat bulan sepuluh hari.

Dari hadis Nabi yang bermaksud: Tidak halal bagi seorang wanita yang beriman dengan Allah dan Hari Kemudian berkabung atas seorang yang mati lebih dari tiga hari, melainkan atas suami iaitu empat bulan dan sepuluh hari.

8.2. Perkara-perkara yang haram dilakukan ke atas perempuan yang menjalani edah:

8.2.1 haram membuat atau menghantar pinangan disebabkan masih adanya sebahagian dari kesan perkahwinannya.

8.2.2 Haram bernikah dengan mereka.

8.2.3. Haram keluar dari rumah tempat ia menjalani edah.

8.3. Kesan Li'an (tuduhan berzina ke atas isteri).

8.1.3 Terlepas si suami dari hukuman sebat kerana tuduhan zina dan begitu juga dengan isteri, terlepas dari hukum zina.

8.2.3 Haram melakukan persetubuhan walaupun sebelum kadi menghukumkan perpisahannya.

8.3.3 Wajib berpisah (bercerai) dan tidak boleh berbalik (bernikah) semula buat selama-lamanya. Dalilnya: "Dua orang suami isteri yang mengatakan, laknat Allah ke atas diri mereka disebabkan tuduhan berzina, tidak boleh kembali bersatu".

8.4 Kesan Zihar (menyamakan isteri atau salah satu dari anggotanya) dengan ibu atau mahramnya.

8.1.4 Haram mengadakan persetubuhan sehingga membayar kaffarah (denda kerana zihar).

8.2.4 Boleh bagi isteri itu meminta supaya disetubuhi kerana masih ada haknya dengan suaminya itu. Akan tetapi wa-jib dia menahan dari berseronok-seronok untuk melakukan persetubuhan sehingga suaminya membayar denda (kaffarah).

Akan tetapi kalau suaminya itu tidak mahu mensetubuhinya dan tidak mahu membayar denda (kaffarah), terpisahkan keduanya dari menjadi suami isteri.

8.3.4 Kaffarah yang wajib dibuat oleh suami di atas perbuatan ziharnya itu ialah secara tertib:

1. Membebaskan seorang hamba perempuan yang tidak mempunyai apa-apa kecacatan.
2. Berpuasa selama dua bulan berturut-turut.
3. Memberi makan enam puluh orang miskin dengan makanan yang wajib zakat seperti beras, gandum dan yang seumpama itu kira-kira satu mud tiap-tiap seorang.

9. Kesan-kesan perceraian ke atas suami isteri dari segi hukum syarak:

9.1. Nafkah edah: Nafkah edah seorang suami yang telah menceraikan isterinya dengan perceraian yang boleh rujuk adalah wajib ke atasnya memberikan nafkah edah selama bekas isterinya itu menjalani edah, sama ada edah dengan guru' (tiga kali bersih) atau dengan mengandung. Akan tetapi bagi perempuan yang diceraikan dengan talak ba'in seperti tebus talak, li'an dan zihar adalah tidak wajib kepada bekas suaminya untuk memberi nafkah edah kecuali menyediakan tempat tinggal dalam masa tempoh dia beredah sahaja.

Di dalam Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 ada diperuntukkan bab 158 (2) (3) berhubung dengan nafkah edah ini yang menghendaki supaya bekas suami membayar nafkah edah kepada bekas isterinya, teknya mengatakan.

(2) Mana-mana perempuan yang telah diceraikan boleh dengan jalan dibuat permin-taan di Mahkamah Kadi untuk mendapatkan suatu peruntukkan ke atas bekas suaminya yang dahulu bagi membayar nafkah perbelanjaan dalam masa edahnya jika perceraian itu dengan satu atau dua atau dalam masa mengandung dengan suaminya mengikut hukum syarak.

(3) Seorang perempuan yang telah diceraikan dan tidak berhak untuk menerima belanja nafkah di bawah bab kecil (2) bolehlah memohon kepada Mahkamah Kadi Besar dan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa adalah patut dan betul berbuat demikian mengikut keadaan perkara itu, bolehlah memberi perintah ke atas suami yang dahulu itu supaya mem-bayar belanja nafkah mengikut lama yang difikirkan oleh mahkamah.

Dengan syarat bahawa bekas suami itu membayar kepada bekas isterinya belanja nafkah yang lebih daripada \$1,500 sebulan.

9.2. Mut'ah (saguhati)

Seorang suami yang menceraikan isterinya dengan talak sama ada sudah disetubuhi atau tidak atau perceraian melalui pemisahan yang bukan disebabkan oleh isteri seperti suami murtad, suami menuduh isteri berzina dengan cara li'an, maka adalah wajib hukumnya ke atas bekas suami itu memberi mut'ah (saguhati). Ini adalah berdasarkan kepada perintah Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Qur'an surah Al-Baqarah ayat 241 yang bermaksud: Dan isteri-isteri yang diceraikan, berhak mendapat mut'ah (pemberian saguhati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang ber-takwa.

Bersambung minggu depan

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang hari Rabu 24 Februari, 1988.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

5. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tender/Quotation, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

Selasa-Khamis	8.00 pagi	—	11.00 pagi
	1.30 petang	—	2.30 petang
Isnin-Sabtu	8.00 pagi	—	10.00 pagi

6. Cagaran sebanyak \$100.00 adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bil. Tawaran	Keterangan
DA/TQ/15/88	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Pintu Malim
DA/TQ/16/88	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Pusu Ulak
DA/TQ/17/88	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Saba Darat
DA/TQ/18/88	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Sunai Si-Awas
DA/TQ/19/88	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Dato Gandi
DA/TQ/20/88	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Delima Satu
DA/TQ/21/88	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Serasa
DA/TQ/22/88	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah SUAS Muara
DA/TQ/23/88	Tawaran Perkhidmatan Kantin Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut
1. Tawaran adalah dipelawa daripada Pemborong-pemborong Electrical/Mechanical yang berlesen bagi membekal dan memasang alat-alat E.F. Lightning Protection System bagi Pusat Pemancaran Bukit Subok dengan tajuk yang dikenakan seperti di bawah:

SUPPLY AND INSTALLATION OF E.F. LIGHTNING PROTECTION SYSTEM FOR BUKIT SUBOK STATION.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut boleh didapati dari Bilik Jurutera Penguasa, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, di waktu-waktu pejabat dibuka dari tarikh pengiklanan pemberitahuan tawaran hingga hari terakhir pejabat dibuka sebelum tarikh penutupan tawaran ini.

TAWARAN NO. JPP/03/88 — SUPPLY OF STABLINE POWER SUPPLIES/CONDITIONERS

1. Tawaran adalah dipelawa bagi pembekalan Stabline Power Supplies/Conditioners dengan tajuk yang dikenakan adalah seperti di bawah:

SUPPLY OF STABLINE POWER SUPPLIES/ CONDITIONERS.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut boleh didapati dari Bilik Jurutera Penguasa, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, di waktu-waktu pejabat dibuka dari tarikh pengiklanan pemberitahuan tawaran hingga hari terakhir pejabat dibuka sebelum tarikh penutupan tawaran ini.

PEMBERITAHUAN TAWARAN UNIT ANTI-DADAH KEMENTERIAN PELAJARAN

Bil. Tawaran	Keterangan	Tarikh tutup
UAD/T/A/88	KEM-O-MAT 2 (Coulter)	16.3.1988

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar Bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan:

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan-keterangan yang lanjut boleh dilihat diperolehi dari Unit Anti-Dadah, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

Selasa-Khamis	8.00 pagi — 11.00 pagi
Isnin dan Sabtu	1.30 petang — 2.30 petang
	8.00 pagi — 10.00 pagi

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai sebanyak \$100.00 pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Peringatan:

1. Harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah termasuk perbelanjaan menghantar alat-alat dan keperluan-keperluan ke Unit Anti-Dadah.
2. Tiap-tiap satu harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah juga termasuk harga C.I.F. dan Customs Duty.
3. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
4. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
5. Segala kehendak dalam borang ini, mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI TUKANG MASAK

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai TUKANG MASAK di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod : 062 53-130

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Umur tidak lebih dari 45 tahun.
- Sijil City and Guilds 855 Basic Cooking atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- Berpengalaman memasak di Mess/Kantin atau Restoran bagi makanan Melayu, Cina dan Inggeris.
- Pemohon-pemohon adalah dikehendaki menjalani ujian memasak sebelum ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift)

atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan. Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 10 Mac, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 11/1988.

(E/445/72)

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan, menghantar dan memasang, commission HARDWARE AND SOFTWARE bagi peralatan-alatan Computer INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI.

- Dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari pejabat Pengarah Institut Teknologi Brunei, Jalan Muara sewaktu pejabat dibuka.
- Mereka yang berminat untuk memberikan tawaran dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$100.00 tunai bagi setiap tawaran sewaktu mengambil dokumen tawaran. Cagaran ini akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya setelah mereka menghantar tawaran yang jujur.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup tanpa menunjukkan identiti pembekal dan ditanda dengan :

Bil. Tawaran	Keterangan
ITB/ 9/88	(a) SIMPLE — Interface to Information database package (Software) — Supply and Install.
	(b) MIDAS PLUS — Data Managements Products (Software) — Supply and Install.
	(c) CODASY 1 — Database Management Systems (DBMS) — Software — Supply and Install.
ITB/10/88	(a) DOMAIN — Analyst/Designer Workbench (Software) — Supply and Install.
	(b) APPOLO WORK STATION — To Support Domain (Hardware) — Supply, Install and Commission.

Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Jalan Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.
- Tarikh tutup tawaran ialah pukul 3.00 petang hari Rabu 2 Mac, 1988.
- Pembekal hendaklah menyertakan bersama salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
- Tawaran-tawaran yang tidak mempunyai penerangan yang lengkap atau yang diterima lewat dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

Bil. Tawaran	Keterangan	Cagaran	Tarikh Tutup
DA/TQ/39/88	Membekal, Menghantar, Memasang Serta Test Run "Electrical Demonstration Kit"	\$100.00	9.3.88
DA/TQ/40/88	Membekal, Menghantar, Memasang Serta Test Run "Electrical Machines Training System"	\$100.00	9.3.88
DA/TQ/41/88	Membekal, Menghantar, Memasang Serta Test Run "Mica Segment Under-cutting Machine"	\$100.00	9.3.88
DA/TQ/42/88	Membekal, Menghantar, Memasang Serta Test Run Alatan Bahagian Elektrik i. Armature Growler ii. Hand-held Armature iii. Armature iv. Universal Measuring Bridge	\$100.00	9.3.88
DA/TQ/43/88	Membekal, Menghantar, Memasang Serta Test Run "Motor Construction Kit"	\$100.00	9.3.88
DA/TQ/44/88	Membekal, Menghantar, Memasang Serta Test Run "Transformer Construction Kit"	\$100.00	9.3.88
DA/TQ/45/88	Membekal, Menghantar, Memasang dan Test Run Alatan Microprocessor Laboratory	\$100.00	9.3.88
DA/TQ/46/88	Membekal dan Menghantar Kayu Meranti yang berkatam dan flywood	\$100.00	24.2.88
DA/TQ/47/88	Membekal dan Menghantar 'Timbangan Metrik'	\$100.00	24.2.88
DA/TQ/48/88	Memotong Rumpit dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah dan Flat Guru di Sekolah Menengah Sufri Bolkah Tutong bagi tempoh 2 tahun	\$300.00	24.2.88
DA/TQ/49/88	Memotong Rumpit dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah Rendah Panaga dan Sekolah Menengah Perdana Wazir, Belait bagi tempoh 2 tahun	\$300.00	24.2.88
DA/TQ/50/88	Memotong Rumpit dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah Rendah Mabohai, Sekolah Rendah Pula'e, Sekolah Rendah Bengkurong dan Sekolah Menengah Menglait bagi tempoh 2 tahun	\$300.00	24.2.88
DA/TQ/51/88	Memotong Rumpit dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah Rendah Dato Gandhi dan Sekolah Rendah Sultan Abdul Babin Sungai Besar bagi tempoh 2 tahun	\$300.00	24.2.88
DA/TQ/52/88	Memotong Rumpit dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Sekolah, Rumah Guru, Padang dan Keliling Pagar di Sekolah Rendah Putat bagi tempoh 2 tahun	\$100.00	24.2.88

Syarat-syarat Tawaran

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
- Semua harga tawaran hendaklah termasuk perbelanjaan menghantar alat-alat dan keperluan-keperluan tersebut ke Ibu Pejabat, Stor Kementerian Pelajaran, Pejabat-pejabat Daerah Kementerian Pelajaran dan Maktab-maktab/Sekolah-sekolah di mana perlu.
- Setiap harga tawaran bagi sesuatu barang hendaklah juga termasuk harga C.I.F. dan Cukai Kastam.
- Semua tawaran hendaklah disertakan dengan contoh dan katalog. Jika contoh-contoh itu tidak dapat dimuatkan dalam sampul surat maka hendaklah dihantar ke Bahagian Tender/Quotation, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam. Kegagalan menyertakan contoh serta mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.
- Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.

- Syarikat yang berjaya mestilah bersedia membuat pembekalan tambahan apabila diperlukan dengan harga seperti yang ditetapkan. Dari itu tempoh sah harga (price validity) mestilah dalam masa 1 (satu) tahun.
- Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan di tuju-kan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tender/Quotation, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :—

Selasa-Khamis	8.00 pagi — 11.00 pagi
Isnin-Sattu	1.30 petang — 2.30 petang
	8.00 pagi — 10.00 pagi

- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Peringatan

- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
- Sila alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran, Tingkat Satu, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Dalam hal yang tertentu, Jabatan ini tidak semestinya memberi kesemua tawaran dalam satu tender kepada satu pembekal.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAH WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 11/ 1988

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Teo Nhew No. 125 Kampong Petani, Tutong Negara Brunei Darussalam kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Yeo Kai Kee yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab ia itu si pemohon ialah Ipar kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan dengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 16 Februari 1988, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 28 Januari, 1988.

No. 83/ 1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Ligh b.n Ajo No. 12, Kampong Pengkalan Raan, Tutong @ Jabatan Kerja Raya, Tutong, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Pejo bin Enjor @ Ajo yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab ia itu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan

d'engar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 16 Februari 1988, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 28 Januari, 1988.

No. 285/ 1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Teo Nhew No. 125 Kampong Petani Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Yeo Sai Twan yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab ia itu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan d'engar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 16 Februari 1988, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 28 Januari, 1988.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) KERANI PERANGKAAAN :

(Bilangan Kod : 050 39-920)

(Di Pejabat Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji : D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- a) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- c) Bagi yang tidak mempunyai kelayakan akademik seperti di (a) dan (b) hendaklah berkhidmat selama lima tahun.
- d) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perangkaan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Kerani perangkaan adalah dikehendaki antara lain mengumpul, menyemak dan menyusun perangkaan yang dikendalikan oleh pejabat ini. Perangkaan-perangkaan ini adalah didapati dari borang-borang pentadbiran pejabat ataupun dari temuduga-temuduga dengan orang ramai semasa membuat sesuatu pengkajian atau pembancian.

2) PENOLONG PENGELOLA TANAH-TANAH PERKUBURAN ISLAM : (Bilangan Kod : 112 14-221)

(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan berikut :—
- i) Sijil Pelajaran Ugama Brunei.
- ii) Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajaran pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
- iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan syarat; lulus mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai pengalaman tiga tahun dalam hal-ehwal Perkembangan Ugama atau dalam bidang urusan Pentadbiran Tanah-Tanah Perkuburan.
- c) Hendaklah tahu menulis dan membaca Jawi.
- d) Yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan kerajaan selama tidak kurang dari lima tahun serta mempunyai pengalaman hal-ehwal Perkembangan Ugama atau dalam bidang Pentadbiran Tanah-Tanah Perkuburan bolehlah juga dipertimbangkan.

3) PEMBANTU PEMELIHARAAN DOKUMEN :

(Bilangan Kod : 041 19-139)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji : D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan :

- a) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa dalam Sijil Am Pelajaran.
- ATAU
- ii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengetahuan dalam kerja-kerja arkib.
- b) Boleh membaca dan menulis jawi.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- a) Bertanggungjawab ke atas segala kerja-kerja pembaikan dan pemeliharaan bahan-bahan arkib. Ini termasuklah kerja-kerja saluti dan pembaikan cara tradisional ke atas manuskrip, surat khabar dan lain-lain.
- b) Membantu kerja-kerja penjilidan.

4) KAKITANGAN PENTAS

(Bilangan Kod : 009 17-333)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur di antara 20 hingga 40 tahun.
- b) Lulus Tingkatan IV.
- ATAU
- c) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman di dalam bidang yang bersesuaian.
- d) Mempunyai Sijil Pertukangan Kayu atau sebanding akan diberi keutamaan.
- e) Bertugas sebagai pembantu Studio RTB selama tidak kurang dari tiga tahun dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik adalah juga dipelawa untuk memohon.
- f) Bekerja bergaji hari di RTB selama tidak kurang empat tahun dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik adalah juga dipelawa untuk memohon.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Tugas-tugas jawatan ini termasuklah menyediakan alat-alat kelengkapan pemandangan (set-set) untuk Studio ataupun tempat-tempat rakaman luar dan penggambaran perfileman dijalankan. Tugas-tugas lain termasuklah menyimpan dan membuka set-set dan membuat tugas-tugas seperti yang diarahkan dari masa ke semasa. Pemohon-pemohon yang berjaya akan bertanggungjawab kepada Scenic Master, Bahagian Rancangan-Rancangan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH KADI :

(Bilangan Kod : 112 14-183)

(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Sijil Perguruan Ugama, Brunei.
- ATAU
- c) Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
- ATAU
- d) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran dan tiga tahun pengalaman dalam jawatan yang berkaitan.

ATAU

e) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama lima tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Pendaftar nikah kahwin, urusan-urusan Mahkamah dan Pentadbiran Pejabat.

ATAU

f) Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.

g) Bagi yang tidak mempunyai kelayakan-kelayakan pelajaran yang dinyatakan di (b), (c), (d) atau (e) tetapi telah berkhidmat dengan kerajaan selama tidak kurang dari lima tahun serta berpengalaman dalam kerja-kerja pendaftar nikah kahwin, urusan-urusan Mahkamah dan Pentadbiran Pejabat bolehlah juga dipertimbangkan.

h) Bertanggungjawab ke atas segala kerja-kerja pembaikan dan pemeliharaan bahan-bahan arkib. Ini termasuklah kerja-kerja saluti dan pembaikan cara tradisional ke atas manuskrip, surat khabar dan lain-lain.

i) Membantu kerja-kerja penjilidan.

2) PENOLONG JURUKAMERA PERFILEMAN :

(Bilangan Kod : 009 16-373)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- a) Satu mata pelajaran di Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran di Peringkat Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya dan boleh menunjukkan pengetahuan amali tentang Fotografi, Cinematografi atau Kamera Video.
- ATAU
- b) Satu mata pelajaran Peringkat Biasa dan tiga tahun pengalaman dalam jawatan yang berkaitan.
- ATAU
- c) Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta berkhidmat selama lima tahun dalam jawatan yang berkaitan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Penolong Jurukamera Perfileman adalah bertanggungjawab kepada Jurukamera Perfileman dalam setiap aspek tugasnya dan memainkan peranan khusus dalam pemasangan lampu di lokasi-lokasi. Sebahagian daripada latihan di mana keadaan membolehkan, Penolong Jurukamera Perfileman juga diminta menjalankan tugas-tugas Jurukamera Perfileman bagi menambahkan pengalamannya.

Apabila mendapat pengalaman yang diperlukan ia boleh diberikan tugas-tugas untuk dikendalikan sendiri.

3) PEMOTONG FILEM :

(Bilangan Kod : 009 92-765)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- a) Lulus Tingkat 4 aliran Inggeris atau Melayu.
- ATAU
- b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei dengan tiga tahun pengalaman dalam bidang bersesuaian.
- c) Pengetahuan dan pengalaman dalam memotong dan menyunting filem merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Bertanggungjawab bagi menyunting dan memotong filem-filem seperti yang dikehendaki oleh jawatankuasa penapis dan untuk menemukan potongan-potongan ini sebelum filem itu diedarkan ke perkhidmatan televisyen selanjutnya yang akan menayangkannya. (Ini merupakan pekerjaan yang bertanggungjawab dan halus oleh kerana RTB akan mengalami kesulitan yang agak berat jika potongan-potongan yang tepat yang dipohonkan tidak dibuat).

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 29 Februari, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 8/1988.

(E/1811/80)

yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 1 Mac, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 10/1988

(E/358/73)

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan alatan-alatan kursus ELECTRICAL AND ELECTRONIC ENGINEERING INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI.

- Dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari pejabat Pengarah Institut Teknologi Brunei, Jalan Muara sewaktu pejabat dibuka.
- Mereka yang berminat untuk memberikan tawaran dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$100.00 tunai bagi setiap tawaran sewaktu mengambil dokumen tawaran. Cagaran ini akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya setelah mereka menghantar tawaran yang jujur.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup tanpa menunjukkan identiti pembekal dan ditanda dengan :

Bil. Tawaran

Keterangan

ITB/2/1988	TRAINING SYSTEM FOR ELECTRICAL MACHINES (Supply)
ITB/3/1988	TRAINING SYSTEM FOR POWER ELECTRONIC (Supply and Install)
ITB/4/1988	TRAINING SYSTEM FOR CONTROL TECHNOLOGY (Supply)
ITB/5/1988	COMMUNICATIONS (Supply, Install and Commission)
ITB/6/1988	C BAND SATELLITE RECEIVER DISH (Supply Install and Commission)
ITB/7/1988	ACOUSTICS TRAINING AND MEASUREMENT EQUIPMENT (Supply)
ITB/8/1988	OPTICAL COMPONENTS (Supply)

Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Jalan Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.
- Tarikh tutup tawaran ialah pukul 3.00 petang hari Rabu 24 Februari, 1988.
- Pembekal hendaklah menyertakan bersama salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
- Tawaran-tawaran yang tidak mempunyai penerangan yang lengkap atau yang diterima lewat dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.

Ke arah 'olahragawan cemerlang'

PENGLIBATAN TIGA PIHAK AMAT PERLU

PENGARAH Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad menegaskan usaha bersama, perpaduan, persefahaman dan tindakan positif dari semua pihak lebih-lebih lagi penglibatan dari tiga sudut tiga segi iaitu ikatan rapat 'Persatuan Atlit dan Jurulatih' adalah punca utama dalam penentuan pencapaian sukan ke arah 'Olahragawan Cemerlang'.

Berucap merasmikan majlis penutup Seminar Sukan 1988

di Stadium Negara, 31 Januari lepas, beliau berkata seminar itu telah mendedahkan bahawa jalinan atau struktur pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan ke arah pencapaian sukan yang baik dan teratur adalah datangnya dari persatuan dan pertubuhan sukan, para atlit, jurulatih, Majlis Sukan Negara dan jabatan-jabatan serta kementerian-kementerian yang berkenaan.

"Jika salah satu dari organisasi ini lemah dan lum-

puh maka pengendalian dan pencapaian perkembangan sukan di negara ini akan terjejas dan banyak pihak yang benar-benar berusaha positif akan menjadi mangsa dan perancangan akan terbengkalai," tegasnya.

Dalam mengatasi pelbagai masalah dan kekurangan kita pula, sebaik-baik cara yang berkesan menurut Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan itu ialah dengan mempelajari dan mengenal pasti masalah-masalah kita yang lampau dan menyoal diri kita sendiri kenapa masalah berkenaan itu berlaku. Kemudian apakah tindakan positif kita bagi mengatasi kerumitan itu supaya tidak berulang lagi.

Beliau melahirkan rasa kagum pihak penganjur di atas penyertaan pihak yang terlibat dalam mendalami pengetahuan dan mempelajari teknik pengendalian sukan yang bersestematik dan berkesan.

"Dengan adanya penyer-taan ini, kami merasa pasti dan tidak ragu-ragu akan kelibar mereka dan tindakan mereka seterusnya ke arah keberkesanan kegiatan persatuan masing-masing," ujar-nya.

SEMINAR Sukan 1988 selama empat hari yang berakhir pada 31 Januari lepas telah menghasilkan beberapa resolusi.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad ketika berucap merasmikan penutupan majlis seminar itu telah menggariskan beberapa resolusi utama yang telah dicapai di akhir seminar itu:

- * Mencadangkan pembentukan 'DASAR SUKAN NEGARA';
- * Mencadangkan semula 'MAJLIS SUKAN NEGARA';
- * Perhatian berat atas peri mustahaknya Program Sukan Di Sekolah-Sekolah adalah sumber tenaga lahirnya para atlit hari esok bukan sahaja untuk pencapaian 'Sukan Cemerlang' tetapi 'Sukan Untuk Masyarakat';

- * Mengambil perhatian bahawa lingkungan umur enam tahun ke-19 tahun adalah peringkat umur yang 'crucial' dan sumber tenaga yang terpenting bagi melahirkan bukan sahaja bagi kelahiran olahragawan cemerlang tetapi belia masyarakat hari esok yang sihat dan cergas;
- * Mengambil perhatian berat bahawa 'Peranan Ker-jasama Ibu Bapa' (Full Parental Commitment) adalah terpenting dan menyeru supaya ibu bapa akan mendedahkan anak-anak mereka bersukan sebagai satu jaminan hidup yang sihat dan cergas, berdisiplin dan bertanggung-jawab;
- * Mengambil kesimpulan bahawa pentadbiran persatuan yang baik dan ber-sistematik adalah salah satu punca utama ke arah pencapaian perkembangan sukan bagi 'Sukan Untuk Masyarakat' dan 'Sukan Cemerlang';
- * Mengambil kesimpulan bahawa hubungan seorang atlit dengan jurulatih dan persatuan sukan adalah penting dengan adanya persefahaman erat, latihan sistematik, harmoni serta disiplin dengan mengambil kira 'Proper Nutrition' adalah perlu bagi tubuh badan atlit;
- * Mengadakan kaji selidik atau 'Research Skill Test' di peringkat sekolah-sekolah dan profil atlit adalah rekod penentuan kebolehan dan haluan ke arah peningkatkan olahragawan cemerlang; dan
- * Mengambil perhatian bahawa kemudahan-kemudahan sukan adalah MESTI bagi memenuhi objektif dasar.



Kelolaan Abd. Karim HAB

BELIA & SUKAN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyalakan obor menandakan bermulanya Pesta Sukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (atas). — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa diperkenalkan kepada salah seorang pengurus pasukan (atas sekali). — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Pesta Sukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

EMPAT belas buah jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mulai malam Ahad, 6 Februari lalu turun ke gelanggang menyertai enam acara sukan yang dipertandingan di Pesta Sukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi sepanjang tahun ini.

Pesta sukan yang julung-julung kali diadakan itu dirasmikan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, di Dewan Muhibbah, Berakas.

Tetamu kehormat sejour mengakhiri ucapan peras-mian telah menyalakan obor pesta sukan yang dibawa masuk ke dalam dewan oleh Awang Haji Muhin bin Jaafar, salah seorang pemain sepak takraw yang mewakili negara di Sukan SEA, dan seterusnya diperkenalkan kepada pengurus-pengurus pasukan yang mengambil bahagian.

Dari muka 1

Yang Berhormat penuh percaya aktiviti-aktiviti sukan tersebut akan dapat merapatkan hubungan silaturahim dan perasaan kekeluargaan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ini, tambah Yang Berhormat Pehin akan memberi peluang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang tidak berkesempatan untuk bersemuka atau beramah mesra di antara satu dengan lain disebabkan kesibukan tugas-tugas harian di daerah-daerah yang jauh daripada ibu pejabat untuk berkenal-kenalan dan memperbaharui hubungan persahabatan mereka.

Juara hoki

PASUKAN PANNU berjaya menewaskan BSRC dengan jaringan dua gol berbalas satu di perlawanan akhir Ke-johanan Hoki Piala Limbang Trading di Padang Kelab Rekreasi Kuala Belait pada petang Isnin 2 Februari lalu.

Kejohanan yang bermula dari 25 Januari itu telah diser-tai oleh lima pasukan hoki di Daerah Belait.

Hadiah-hadiah di per-lawanan akhir itu disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Hoki Daerah Belait, Pengiran Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abbas.



PASUKAN PANNU bergambar ramai beserta dengan piala yang mereka menangi sejurus selepas tamat perlawanan. Pasukan tersebut telah menjadi juara hoki bagi merebut Piala Limbang Trading selama tiga tahun berturut-turut. — Gambar oleh Harun Rashid.



Akibat taraf hidup rakyat yang semakin tinggi Kesedaran terhadap pelajaran timbul

BALI 4 Feb. — Perkembangan pelajaran di Negara Brunei Darussalam terus meningkat maju di sepanjang dekad yang lalu. Perkembangan ini berlaku akibat semakin tingginya kemajuan yang dicapai di rantau ini. Taraf hidup rakyat negara ini yang juga semakin tinggi telah menimbulkan bertambahnya kesedaran terhadap pelajaran.

Ini telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman ketika berucap di persidangan ke-23 Majlis Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara yang berlangsung di Bali, Indonesia di sini.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pelajaran.

Yang Berhormat Pehin berkata, pembuat dasar pelajaran di rantau ini menghadapi cabaran-cabaran dalam menyediakan keperluan pelajaran untuk belia-belia bagi menghadapi perkembangan yang terus berubah. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam Yang Berhormat Pehin menekankan: "Keutamaan di peringkat kebangsaan ialah menentukan persiapan-persiapan pela-

jaran yang tidak saja cukup untuk masa kini tetapi juga pada mutu dan keseniannya menghadapi pembaharuan dan perubahan dunia."

Yang Berhormat Pehin telah juga membayangkan pencapaian kemajuan di Negara Brunei Darussalam walaupun terpaksa menghadapi kesukaran-kesukaran terutamanya kekurangan di bidang tenaga manusia yang berkemahiran.

Bagaimanapun, katanya, Negara Brunei Darussalam akan meneruskan usahanya ke arah keperluan pelajaran menurut matlamat dan objektif negara sebagai perkara yang paling diutamakan.

Yang Berhormat Pehin seterusnya berharap agar Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara itu, melalui projek-projeknya akan terus menilai program-program latihan dan kegiatan penyelidikan untuk memastikan yang program-program itu dapat menemui pelbagai kehendak dan peringkat-peringkat kemajuan sesebuah negara ahli pertubuhan itu.

Menteri Pelajaran juga menekankan agar pertubuhan itu juga memastikan pendidikan belia-belia hari ini agar dapat memberikan pemahaman terhadap matlamat dan objektif pertubuhan itu. Dengan yang demikian belia-belia itu nanti akan boleh memberikan sumbangan bagi kestabilan rantau ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima kunjungan hormat Tuan Yang Terutama Tuan Kurt Wyss, Duta Besar Switzerland ke negara ini. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Perhubungan dan kerjasama erat dapat diperkukuh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Russel Marshall, Menteri

Hal Ehwal Luar New Zealand sempena hari kebangsaan Hari Waitangi yang jatuh pada 6 Februari, 1988. Duli Yang Teramat Mulia berharap agar perhubungan yang erat dan kerjasama antara Brunei Darussalam dan New Zealand akan terus dapat diperkukuh di masa-masa yang akan datang.

MENERIMA MENGADAP

JALAN TUTONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima mengadap Puan Souzan Habib.

Istiadat mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman di sini minggu lalu.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga berkenan menerima mengadap Puan Souzan Habib di Istana Nurul Izzah di Jerudong minggu lalu.

Puan Souzan Habib ialah isteri Tuan Yang Terutama Tuan Ali Taha Habib, Duta Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. — Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Sambungan dari muka 1

Hadir di istiadat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Grand Chamberlain serta Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima kunjungan hormat Tuan Yang Terutama Tuan Kurt Wyss, Duta Besar Switzerland ke negara ini bertempat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, pada hari Sabtu lepas.

**Berdisiplin Cergas
Berbudaya Negara Bahagia**